

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

Jilid IV Bil. 8 Hari Rabu 28hb Mac, 1990

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan	(Ruangan 36)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang—Undang Perbekalan Tambahan (1989)	(Ruangan 38)
Rang Undang-undang Seri Pahlawan Gagah Perkasa (Elaun Kenangan)	(Ruangan 48)
Rang Undang—Undang Kawalan Bekalan (Pindaan)	(Ruangan 62)
Rang Undang-undang Levi Kenderaan Barang—barang (Pindaan)	(Ruangan 66)
Rang Undang-undang Zon Bebas	(Ruangan 69)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 28hb Mac, 1990

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:-

Tuan Dahalan bin Haji Embun.

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli Yang Berhormat yang dipilih semula itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

HARGA KOKO

1. **Tuan Dol bin Dolah** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:-
 - (a) apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk menstabilkan harga koko pada masa sekarang;
 - (b) setakat mana tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk bekerjasama dengan peningkatan pengeluaran koko Afrika dan Majlis Organisasi Koko Antarabangsa; dan
 - (c) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian terhadap pengeluaran koko butter untuk pembuatan coklat.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Alias bin Md. Ali]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Harga koko adalah dipengaruhi oleh permintaan dan penawaran di dunia serta faktor-faktor lain seperti kualiti. Harga koko berada di tahap yang rendah sekarang ini oleh kerana bekalan melebihi permintaan sejak beberapa tahun kebekalangan ini. Stok terkumpul koko dunia berjumlah 1.3 juta tan metrik iaitu bersamaan enam bulan pengisaran koko dunia.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ialah mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan kualiti biji koko menerusi penyelidikan dan pembangunan supaya ia boleh bersaing dengan negara-negara pengeluar lain dan mempergiatkan promosi pasaran di pasaran tradisi dan pasaran baru.

- (b) Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perjanjian Koko Antarabangsa telah gagal untuk menstabilkan harga koko kerana perbekalan yang terlampau tinggi. Malaysia telah menghadiri mesyuarat-mesyuarat Majlis Pertubuhan Koko Antarabangsa sebagai pemerhati sahaja dan menghadiri mesyuarat Perikatan Pengeluar-pengeluar Koko atau Cocoa Producers Alliance (CPA), dengan izin, apabila Malaysia dijemput. Yang Berhormat Menteri

Perusahaan Utama akan melawat Ivory Coast dan Ghana iaitu dua buah negara pengeluar koko terbesar di Afrika untuk membincangkan tentang kedudukan koko dan lain-lain langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah kelembapan harga pasaran sekarang.

- (c) Kerajaan sentiasa berusaha untuk memajukan proses penghiliran bagi pengeluaran produk koko yang mempunyai nilai tokok atau value-added, dengan izin. Sehubungan dengan ini, Kerajaan telah meluluskan 22 lesen pengilangan dengan keupayaan memproses sebanyak 61,952 tan metrik biji koko, Pemerosesan ini boleh menghasilkan produk koko seperti mentega koko, serbuk koko, paste koko dan likor koko, di samping memperluaskan penggunaan koko sebagai makanan, minuman dan kosmetik untuk tujuan eksport. Malaysia mengeksport berbagai jenis produk koko termasuk 3,050 tan coklat dan 18,929 tan mentega koko dalam tahun lepas.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu bahawa harga koko di negara kita sekarang ini terlalu rendah dan bolehkah Yang Berhormat buat ramalan sampai bilakah keadaan ini akan berlanjutan?

Yang kedua, apakah langkah-langkah Kementerian untuk membantu penanam-penanam koko yang menghadapi harga yang begitu rendah sekarang ini?

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah jelaskan tadi, penurunan harga koko sekarang ini berlaku kerana terlampau tinggi. stok yang ada di dalam dunia sekarang ini dan harga yang rendah sekarang ini sudah tentu akan meningkat sekiranya stok yang tinggi ini dapat dikurangkan pada satu masa kelak. Bilakah hal ini akan berlaku, tiada siapa pun dapat meneka-nya.

Mengenai soalan yang kedua, langkah input subsidi adalah dijalankan oleh Kementerian Pertanian dan pihak Kerajaan sentiasa mencari jalan untuk membantu para petani, terutamanya petani-petani kecil yang menanam koko secara kecil-kecilan supaya walaupun harganya rendah, mereka mendapat pulangan yang munasabah daripada hasil usaha mereka.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Pemasaran Koko bagi mencari pasaran yang lebih luas?

Yang kedua, adakah Kerajaan melantik wakil-wakil kita di luar negeri bagi tujuan pemasaran koko sepertimana juga yang dilakukan oleh pemasaran kelapa sawit?

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Koko baru sahaja ditubuhkan dan pihak Lembaga ini sekarang sedang menyusun maklumat-maklumat yang diperlukan untuk mengatur satu strategi pemasaran yang lebih kemas bagi pengeluaran koko Malaysia pada masa yang akan datang. Pada masa ini, Malaysia tidak mempunyai satu Jawatankuasa Pemasaran seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Namun demikian, semua pengeluaran koko dapat dipasarkan di pasaran-pasaran tradisi dan pasaran baru, dan tidak menghadapi masalah walaupun harganya kurang.

Mengenai soalan melantik wakil-wakil ke luar negeri, saya ingat perkara ini tidak jelas pada saya apakah maksud lantik wakil pemasaran di L u a r negeri. Tetapi saya ingin menjelaskan bahawa dalam soal memasarkan barang-barang komoditi daripada Malaysia di

luar negara, kita sentiasa mendapat kerjasama daripada Pesuruhanjaya-pesuruhanjaya Perdagangan kita di luar negeri, dan tidak perlulah kita melantik orang-orang luar atau orang swasta untuk mengendalikan pemasaran ini.

Puan Hajjah Habidah binti Jusoh: Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama iaitu setakat ini berapakah jumlah pengeluaran koko negara setahun?

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai jumlah tiap-tiap tahun tetapi untuk tahun lepas kita mengeluarkan 225,000 tan metrik -untuk biji koko sahaja. Dan daripada jumlah ini, kita telah mengeksport 169,281 tan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan satu soalan sahaja lagi. Dipersilakan, Yang Berhormat Tuan Sivalingam.

Tuan K. Sivalingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah insentif yang diberikan oleh Kerajaan kepada pekebun-pekebun kecil yang menanam koko untuk meningkatkan lagi pengeluaran koko?

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah jelaskan, pihak Kementerian Pertanian sentiasa memberi input subsidi-subsidi untuk pekebun-pekebun kecil seperti benih dan lain-lain nasihat bimbingan. Selain daripada itu, pihak FAMA telah mengadakan pemasaran atau "marketing outlet" untuk petani-petani kita yang memberi jaminan bahawa mereka ada tempat untuk menjual biji-biji koko mereka sekiranya mereka mendapati sukar untuk menjual kepada pihak swasta. Sekiranya pihak pekebun-pekebun kecil itu mempunyai masalah-masalah tertentu seperti masalah penyakit dan sebagainya yang menimpa kepada tananam mereka, mereka boleh mendapat khidmat nasihat daripada Jabatan Pertanian.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya No. 2. Sebelum dijawab, saya ingin meminta pembedulan. Yang sebenarnya, bukan 'Burma' tetapi 'Brunei'.

Tuan Yang di-Pertua: Brunei.

Dato' Loke Yuen Yow: Ini. silap, Brunei.

RINGGIT MALAYSIA

2. **Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah Ringgit Malaysia lebih rendah nilainya dari dolar Singapura dan Brunei, adakah kerana perdagangan Malaysia bergantung melalui Singapura, bilakah perdagangan Malaysia akan berdagang terus dengan negara-negara asing tidak melalui Singapura kerana Malaysia ada Port Kelang, Pasir Gudang, Pulau Pinang, Kuantan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah dijawab oleh rakan sejawat saya pada 21hb Mac, 1990 iaitu tahun ini semasa menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Jendol, bersama-sama sekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Tuan Tan Chai Ho dan Yang Berhormat Tuan K. Sivalingam pada hari yang sama. Saya tidak mempunyai maklumat-maklumat baru yang ingin saya tambah.

CUKAI ELEKTRIK KEPADA MAJLIS DAERAH

3. **Tuan Mustafa bin Awang** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sesuai dengan dasar Kerajaan mahu jana-jana kuasa elektrik di bawah Kerajaan Pusat, tidak adakah cadangan oleh pihak Kementerian yang berkenaan mengecualikan cukai elektrik kepada Majlis-majlis Daerah di seluruh negara bagi meringankan beban kewangan majlis-majlis tersebut. Di mana pengecualian ini adalah bergantung kepada kemampuan majlis-majlis yang terlibat; dan
- (b) apakah benar bahawa pihak Kementerian ini akan menurunkan rate bayaran api bagi semua peringkat penggunaan seluruh Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy Vellu]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sedar bahawa ada setengah-setengah Majlis Tempatan yang menghadapi masalah untuk membayar bil-bil elektrik bagi lampu jalan. Bagi meringankan beban kewangan Majlis-majlis Tempatan, Kerajaan telahpun meluluskan pemberian diskaun ke atas bil-bil elektrik

mereka. Pada Ihb Oktober, 1986, diskaun sebanyak 20% telah diberi untuk pengguna lampu jalan. Diskaun ini telah ditambah 20% lagi menjadi 40% mulai daripada Ihb September, 1988.

Walaupun kadar lampu jalan ialah 30 sen seunit, dengan pemberian diskaun 40%, kadar sebenar yang dibayar oleh Majlis-majlis Tempatan ialah hanya 18 sen seunit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Letrik Negara, Lembaga Letrik Sabah dan Perbadanan Pembekalan Elektrik Sarawak adalah tiga utiliti berasingan yang diwujudkan di bawah akta masing-masing. Tarif yang dikenakan oleh tiap-tiap utiliti itu adalah berasaskan kos yang ditanggung oleh utiliti berkenaan itu sendiri. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah melantik Juruperunding untuk menjalankan kajian rasionalisasi struktur dan kadar tarif di seluruh negara dan Kerajaan akan membuat keputusan sewajarnya setelah menerima hasil kajian itu kelak.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah rancangan Kerajaan untuk menswastakan Lembaga Letrik Negara ini telah diambil kira mengenai dengan perkara-perkara harta ataupun asset, dengan izin, yang akan tidak merugikan Kerajaan dan rakyat negara ini?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini beberapa kali yang lalu dalam jawapan-jawapan saya. Kerajaan telah mengamibil beberapa tindakan untuk menentukan iaitu penswastaan Lembaga Letrik Negara ini tidak memberi apa-apa kerugian kepada tanahair kita atau Kerajaan tetapi untuk memberi, faedah kepada rakyat jelata. Kita telah menjalankan beberapa kajian. Dalam kajian **itu**, saya percaya kita boleh dapat strategi dan sistem baru untuk menjalankan LLN dengan lebih baik daripada apa yang pakar-pakar kita mempunyai sekarang.

PASARAN BARANGAN EKSPORT

4. Tuan Tan Chai Ho minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia mempunyai rancangan untuk meneroka pasaran di negara-negara yang baru terlepas daripada cengkaman pemerintahan komunis.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato' Kok Wee

Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa berusaha mempertingkatkan barangan eksportnya bukan sahaja di pasaran tradisional tetapi juga di negara-negara bukan pasaran tradisional termasuk negara-negara pemerintahan komunis.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun mengadakan hubungan perdagangan dan diplomatik dengan negara-negara pemerintahan komunis. Suruhanjaya-suruhanjaya Bersama dengan negara-negara tersebut juga telah ditubuhkan sebagai saluran untuk mempertingkat dan mengembangkan perdagangan dua hala yang sedia ada.

Perubahan-perubahan politik yang berlaku di negara-negara komunis terutamanya, di Eropah Timur adalah masih di peringkat awal dan sedang di dalam proses perubahan. Semua perkembangan yang berlaku perlu diikuti dan diteliti untuk menentukan Malaysia akan dapat merebut peluang apabila adanya sistem ekonomi yang lebih terbuka nanti. Malaysia mengharapkan perubahan sistem politik di

negara-negara tersebut akan mengakibatkan perubahan-perubahan sistem ekonomi mereka kepada sistetn ekonomi pasaran bebas sepertimana di negara-negara barat.

Dengan ini , Kerajaan akan terus mempertingkatkan usaha galakan eksport ke negara-negara tersebut melalui penghantaran misi-misi perdagangan dan pelaburan termasuk penyertaan di pameran-pameran perdagangan di negara-negara tersebut.

Puan Aion binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya kepada Timbalan Menteri ialah dalam usaha galakan mengeksport barang-barang dari Malaysia ke luar negeri, benarkah berlaku ada pengeksport-pengeskport di Malaysia yang telah tidak diberikan permit pertambahan kepada barang-barang pembuatannya walaupun mereka ada clients atau ada demand daripada pasaran dunia luarnya?

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, dari segi negara kita, Kerajaan kita tidak menghadkan eksport barang-barang. Kalau ada had, itulah berbangkit dengan negara-negara yang kita mengtargetkan iaitu negara-negara di Eropah Timur. Tetapi pada pendapat saya, itu bukan satu halangan oleh kerana pengeksport-pengeksport kita tidak memahami sepenuhnya pasaran yang di Eropah Timur atau negara-negara komunis. Jangan lupa sistem ekonomi di sana ada berbeza dengan sistem kita. Oleh kerana itu, kita masih menjaga, mengkaji dan meneliti keadaan-keadaan yang masih berkembang sekarang di negara-negara komunis .

EKSPORT BARANGAN UTAMA MALAYSIA

5. Puan Valli Muthusamy minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan puashati dengan eksport-eksport pengeluaran utama sekarang, seperti getah, minyak kelapa sawit, koko, teh, kelapa dan lain-lain;
- (b) apakah rancangan Kementerian untuk meningkatkan eksport komoditi-komoditi tersebut; dan
- (c) adakah terdapat sebarang rancangan lengkap untuk meningkatkan penyuburan komoditi-komoditi ini.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada keseluruhannya, Kerajaan berpuashati dengan prestasi eksport barangan utama Malaysia dengan mengambilkira naik-turun keadaan harga dan pasaran walhal cabaran-cabaran persaingan pasaran dunia kian meningkat pada masa ini. Pendapatan eksport dari barangan utama (tidak termasuk minyak dan gas) telah meningkat daripada \$13,140 juta dalam tahun 1986 kepada \$20,422 juta dalam tahun 1988 dan 321,082 juta pada tahun 1989. Pada purata pendapatan eksport dari barangan utama merupakan kira-kira 1/3 daripada jumlah eksport negara kita keseluruhannya.
- (b) Di antara langkah-langkah untuk meningkatkan prestasi eksport barangan utama ialah:
 - (i) memperkukuhkan pasaran yang sedia ada dan menembusi pasaran baru melalui aktiviti-aktiviti galakan seperti mengadakan

missi-missi ekonomi dan teknikal ke luar negeri dan penyertaan dalam seminar-seminar serta pemasaran dan pameran-pameran perdagangan;

- (ii) perundingan perdagangan pelbagai hala di bawah UNCTAD dan GATT dan perbincangan dua hala untuk mengurang atau menghapuskan rintangan-rintangan tarif dan bukan tarif terhadap barangan utama; dan
 - (iii) kerjasama dengan negara-negara pengeluar dan pengguna seperti Perjanjian Getah Asli Antarabangsa dan Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah untuk mencapai penstabilan harga yang lebih baik di dalam pasaran komoditi yang berkenaan.
- (c) Selain daripada apa yang diterangkan tadi, rancangan dan usaha-usaha adalah juga dibuat untuk meningkatkan sektor barangan utama Malaysia keluar negeri. Di bawah Dasar Pertanian Negara, usaha-usaha adalah dibuat untuk meningkatkan penyelidikan dan pembangunan dalam berbagai aspek pengeluaran dan pemerosesan barangan utama untuk mencapai produktiviti yang lebih tinggi, memastikan hasil penyelidikan disalurkan kepada pekebun kecil melalui usaha perkembangan, penggalakkan tanaman semula, mengurangkan kos dan meningkatkan mutu serta menambahkan kegunaan akhir. Kerajaan juga berusaha giat menggalakkan pembangunan industri-industri hiliran dalam meningkatkan nilai tokok dari penggunaan barangan utama kita.

Bagi mengatasi masalah kekurangan buruh dalam pengeluaran getah dan kelapa sawit, usaha-usaha akan dijalankan bagi mewujudkan sistem eksploitasi dan pungutan yang boleh menjimatkan kos buruh dan menentukan supaya sektor tersebut dapat bersaing dengan berkesan di dalam pasaran antarabangsa.

CABUTAN SIJIL PREMIUM

6. Puan Ainon binti Ariffin minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan dapat keuntungan daripada cabutan Sijil Premium yang diadakan pada tiap-tiap bulan. Adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan cabutan Sijil Premium itu 2 kali sebulan, jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kenangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cabutan Sijil Premium dijalankan pada setiap bulan iaitu terdiri dari 6 cabutan bonus iaitu hadiah wang tunai dan 6 cabutan khas hari-hari perayaan berupakan hadiah-hadiah barangan. Tujuan cabutan-cabutan ini diadakan ialah bagi menggalakkan simpanan di dalam bentuk Sijil-sijil Premium di samping memberi peluang kepada penyimpan memenangi hadiah-hadiah yang ditawarkan. Sehingga bulan Februari 1990 Bank Simpanan Nasional telah berupaya menarik simpanan berjumlah \$27 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menambah kekerapan cabutan Sijil Premium. Ini disebabkan tempoh satu bulan bagi satu cabutan diadakan adalah difikirkan memadai di masa ini.

BANTUAN ORANG TUA

7. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan apakah rancangan Kementerian bagi golongan orang-orang tua dan uzur dan rancangan bagi orang-orang cacat.

Menteri Kebajikan Masyarakat [Dato Mustaffa bin Mohammad]:

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini agak umum, maka jawapannya juga agak panjang. Kalau ada keizinan Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sampaikan sahaja jawapan ini kepada Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato Mustaffa bin Mohammad: Terima kasih.

DASAR PENSWASTAAN PENDIDIKAN

8. **Dr. Nawawi bin Mat Awin** minta Menteri Pendidikan menyatakan dasar jangka pendek dan panjang terhadap penswastaan pendidikan dan sama ada beliau telah mengambil kira keadilan sosial dalam pembentukan dasar-dasar itu, terutama sekali menentukan kepentingan golongan yang miskin dan tidak mampu membiayai kos pendidikan swasta terpelihara, dan kesan-kesannya terhadap usaha-usaha menghapuskan ketidakseimbangan di antara kaum dan wilayah dan menyusun semula masyarakat.

Menteri Pendidikan [Tuan Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, tidak timbul cadangan untuk menswastakan mana-mana institusi pengajian tinggi yang ada sekarang. Apa yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam kenyataan beliau baru-baru ini ialah bahawa Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan beberapa aspek dari pusat pengajian tinggi ini lambat-laun diswastakan. Sekarang ini memang kita menggalakkan suatu kerjasama yang erat di antara institusi pengajian tinggi dengan sektor swasta. Di antara alasannya ialah untuk mengelakkan 'mis-match' di antara apa yang disediakan oleh pihak universiti dengan keperluan sektor swasta. Dalam penyediaan kurikulum, dalam pengawasan dan juga penyeliaan kursus-kursus, pandangan dan maklumat dari sektor swasta adalah dikehendaki.

Dalam satu rancangan yang agak perlu melibatkan sektor swasta ialah sektor atau bidang penyelidikan. Dalam bidang penyelidikan, universiti yang difikirkan sesuai dan wajar untuk dikembangkan maka sektor swasta telah diminta untuk mengambil langkah-langkah berikutnya dan melabur dan mengembangkan aspek-aspek tertentu dalam penyelidikan.

Di samping itu Kerajaan memang meaggalakkaa penyertaan sektor swasta dalam penubuhan sekolah atau institusi swasta dalam bidang pendidikan asalkan mengikuti syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Oleh yang demikian soal kepentingan pengimbangan kaum dan wilayah dan keadilan sosial sepertimana yang dibimbangkan oleh Yang Berhormat tidak berbangkit sama sekali.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan rancangan Kerajaan untuk menswastakan pendidikan tanahair, apakah Kerajaan ada rancangan untuk menswastakan latihan perguruan bukan sahaja untuk memenuhi keperluan sekolah-sekolah Kerajaan tetapi sekolah-sekolah swasta yang banyak diswastakan itu.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah jelaskan, maklumlah hari ini hari pertama Bulan Ramadan, kita tidak mencadangkan untuk menswastakan pusat-pusat pengajian tinggi di bawah tanggungjawab Kementerian Pendidikan atau

Kementerian-kementerian lainnya. Apa yang dilakukan ialah usaha untuk melibatkan penyertaan sektor swasta dalam bidang penyelidikan, dalam memanfaatkan hasil penyelidikan, dalam memberikan kerjasama dan input secukupnya, menentukan sukatan atau kurikulum dan menilai kurikulum kita untuk memenuhi keperluan sektor swasta. Dengan ini tidak ada sama sekali cadangan untuk menswastakan Maktab-maktab atau Kolej Perguruan. Tetapi ini tidaklah menolak kemungkinan sektor swasta mewujudkan kolej-kolej swasta sendiri asalkan kepentingan Dasar Pelajaran Kebangsaan tetap dihormati.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan ulasan Yang Berhormat Menteri Pendidikan berkenaan dengan penggalakan Kerajaan untuk sektor swasta menubuhkan pusat-pusat pengajian tinggi, saya ingin meminta Yang Berhormat menjelaskan sedikit berkenaan dengan perkembangan baru-baru ini berkenaan dengan ijazah-ijazah ataupun program-program berkembar ataupun twinning programme, dengan izin. Adakah Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menentukan bahawa ijazah ataupun kelayakan yang didapati oleh pelajar-pelajar kita dengan cara ini adalah diiktirafkan oleh pihak JPA.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kebenaran yang diberikan oleh Kementerian bagi sektor swasta mewujudkan kolej berkembar dengan institusi pengajian tinggi Amerika Syarikat atau United Kingdom tidak semestinya tertakluk kepada syarat pengiktirafan. Walau bagaimanapun, dalam cadangan Akta Pendidikan

yang akan dibentangkan tidak lama lagi, beberapa peruntukan baru akan dimasukkan supaya pengawasan terhadap perkembangan kolej swasta ini dapat **diteliti** dan mutu pendidikan juga dijamin. Kita hanya mengambil keputusan untuk mengiktiraf ijazah dari universiti-univeirsiti luar negeri yang difikirkan memenuhi syarat dan mutu yang dikehendaki dan syarat dan mutu ini tidak termasuk sama ada universiti berkenaan di luar negeri mempunyai hubungan dengan kolej swasta dalam negeri. Kalau ini dibolehkan maka akan berlakulah satu keghairahan untuk mewujudkan kolej cabang kecil-kecilan di sini semata-mata dengan maksud mendapat pengiktirafan Kerajaan.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya ini ada kaitan dengan soalan Yang Berhormat sebelum ialtu mengenai twinning programme. Kita dapati bahawa bidang pengajian tinggi terutama sekali telah menjadi satu industri yang begitu lumayan sekarang ini iaitu yang diusahakan oleh pihak swasta. Jadi, saya ingia tahulah mengapa pihak Kerajaan sendiri tidak mengembangkan usaha ini di atas nama Kerajaan selain dari ITM setakat yang saya tahu.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, twinning programme atau kolej persediaan yang dilaksanakan oleh Kerajaan ini sebenarnya merupakan satu program yang besar juga kerana melibatkan ribuan pelajar dan tidak kurang dari 50 institusi pengajian tinggi di Amerika Syarikat dan United Kingdom, tetapi memandangkan jumlah pelajar yang meninggalkan negara kita dan melanjutkan pelajaran ke

luar negeri itu bertambah, sampai hampir 40,000-50,000 maka tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh melonggarkan syarat bagi sektor swasta mengadakan kolej persediaan dalam negeri. Kalau kita tidak memberikan kebenaran ini, apa yang berlaku ialah pelajar-pelajar ini akan terus sahaja ke luar negeri. Bila kita adakan twinning programme dalam negeri, kita boleh meletakkan syarat-syarat tertentu termasuklah apa yang kita cadangkan dalam Akta Pendidikan **ini**, semua pelajar diwajibkan mengambil matapelajaran Bahasa Malaysia selain dari pengajian dalam bahasa Inggeris. Semua pelajar Islam dikehendaki mempelajari Tamadun atau Pengajian Islam dan pelajar bukan Islam mempelajari Pendidikan Moral atau Sejarah dan Pengajian Malaysia.

Peruntukan ini adalah peruntukan baru kerana kita telah memberigalkan kepada sektor swasta menyediakan kemudahan-kemudahan ini. Kerajaan tidak bercadang untuk menambah dengan pesat twinning programme di peringkat undergraduate studies, dengan izin, kerana perkembangan di universiti tempatan dari segi pertambahan pelajar juga adalah menggalakkan. Kita lebih berminat untuk mengembangkan kemudahan pelajaran di universiti-universiti tempatan dan tidak semestinya mengikat atau terikat dengan pusat pengajian tinggi luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan V.K. Sellappan.

Tuan V.K. Sellappan: Tuan Yang di-Pertua, soalan Nombor 9 ini telah dijawab oleh Menteri berkenaan.

CUKAI PENDAPATAN - PELEPASAN

10. Dr. Tan Chong Keng minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementeriannya ada rancangan menambah amaun potongan peribadi, isteri, anak-anak untuk seorang pembayar cukai pendapatan kerana kos hidup meningkat dan jumlah potongan yang kini dibenarkan tidak lagi sepadan dengan kos hidup yang lebih tinggi.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa pelepasan-pelepasan cukai secara package yang diberi kepada pembayar cukai di negara kita ini adalah tinggi kalau dibandingkan dengan negara-negara lain di rantau **ini**. Seseorang pembayar cukai boleh menikmati jumlah maksima pelepasan cukai sebanyak \$14,300 yang meliputi:

- (i) \$5,000 untuk diri sendiri;
- (ii) \$2,999 untuk isteri;
- (iii) \$3,800 untuk lima orang anak; dan
- (iv) \$3,500 untuk EPF dan insurans.

Tuan Yang di-Pertua, jika pembayar cukai menikmati kesemua pelepasan cukai **ini**, ia tidak akan membayar apa-apa cukai sekiranya pendapatannya tidak melebihi daripada \$1,192 sebulan. Oleh yang demikian, buat masa sekarang, Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar pelepasan individu.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah agaknya Kerajaan memikirkan untuk membenarkan supaya pembayaran cukai yang terlewat yang dikenakan denda 10% itu dikurangkan ataupun dilepaskan jika ada masalah-masalah peribadi yang tertentu kepada seseorang itu.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya boleh.

SURAT KHABAR/MAJALAH BAHASA TAMIL

11. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) nama-nama surat khabar dan majalah yang dikeluarkan dalam Bahasa Tamil dan kekerapan keluarannya;
- (b) apakah kriteria untuk memberi kebenaran mencetak (Permit KDN) untuk mengeluarkan surat khabar dan majalah di negara ini; dan
- (c) jumlah permohonan dan organisasi yang terlibat yang masih menunggu keputusan Kerajaan memperolehi KDN untuk mengeluarkan majalah surat khabar mereka.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini memerlukan jawapan yang sangat panjang, maka oleh itu saya mohon izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk memberikan jawapan ini secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JALAN DARI SEREMBAN KE KUALA PILAH - TINGKATKAN TARAF

12. **Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:-

- (a) adakah Kementerian merancang untuk mempertingkatkan taraf Jalan dari Seremban ke Kuala Pilah, terutama di Bukit Putus; dan
- (b) adakah Kementerian merancang satu Lebuhraya (highway) dari Seremban ke Port Dickson untuk memudahkan industri pelancongan di pantai yang indah ini.

Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhah Wan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan:-

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerjaraya memang di dalam perancangan untuk mempertingkatkan taraf jalan dari Seremban ke Kuala Pilah, iaitu dari Batu 0.8 hingga ke Batu 21. Buat masa ini FIDA akan dipanggil dahulu untuk pembinaan jalan dari Batu 0.8 hingga ke Batu 5.8 sahaja pada pertengahan tahun ini memandangkan bahagian jalan berkenaan yang sedia ada ini telah tidak berupaya menampung kesesakan lalulintas pada masa **ini**. Bagi Batu 5.8 hingga ke Batu 13, termasuk Bukit Putus, ianya masih dalam penyiasatan Jabatan Kerjaraya. Bagi Batu 13 hingga ke Batu 21 rekabentuknya telahpun siap dan akan dilaksanakan sebaik sahaja peruntukan diperolehi di bawah Rancangan Malaysia Keenam ini.
- (b) Kementerian Kerjaraya akan membina Lebuhraya Seremban-Port Dickson secara penswastaan, Dokumen tender tersebut telah diberikan kepada kontraktor-kontraktor yang berminat dan tarikh tutup tender berkenaan ialah pada 31hb Mei, 1990 ini. Kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada awal atau pertengahan tahun 1991.

PINJAMAN PERUMAHAN

13. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Kewangan menyatakan berhubung dengan perkara kakitangan Kerajaan mengambil pinjaman untuk membeli rumah atau kereta;

- (a) mengapa terdapat kes-kes yang peminjamnya setelah menjelaskan hutangnya dalam tempoh masa yang ditentukan, mereka masih menerima gajinya yang telah ditolak bayaran ansuran untuk pinjaman mereka;
- (b) mengapa bekas peminjam-peminjam yang membayar melebihi daripada pinjaman mereka harus menunggu lama, kadang-kadang setahun sebelum menerima bayaran balik; dan
- (c) mengapa bekas peminjam itu tidak diberi faedah untuk potongan ansuran yang lebih sedangkan mereka akan didenda jika bayaran ansuran itu lewat dijelaskan.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini menyentuh berkenaan dua perkara, iaitu pinjaman perumahan dan pinjaman kenderaan.

Mengenai pinjaman perumahan, Bahagian Pinjaman Perumahan pada masa ini mengendalikan lebih kurang 280,000 akaun pinjaman perumahan. Tiap-tiap akaun ini perlu diselenggarakan untuk selama lebih kurang 25 tahun iaitu tempoh pinjaman. Adalah benar terdapat sedikit kes di mana gaji peminjam masih dipotong selepas tempoh bayaran balik, Ini adalah disebabkan tempoh akhir bayaran balik ditentukan pada masa arahan pertama potongan gaji. Dan sepanjang tempoh 25 tahun itu, terdapat kes-kes ansuran bayaran balik yang tertinggal disebabkan oleh peminjam bertukar pejabat ataupun potongan awal untuk tempoh 3 bulan pertaraa tidak dapat dipotong oleh Ketua Jabatan peminjam. Dengan sebab itu ansuran bayaran balik perlu dipotong seterusnya sehingga semua bayaran balik diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, pulangan balik ke atas apa-apa bayaran balik yang terlebih dipotong hanya akan dibuat setelah akaun

peminjam telah disemak dengan teliti dan ditutup. Semua bayaran balik yang diterima oleh Bahagian Pinjaman Perumahan datangnya dari lebih kurang 9,000 pusat pembayar di seluruh negara. Kadangkala bayaran balik ini memakan masa lebih kurang 4 bulan untuk sampai ke Bahagian Pinjaman Perumahan. Sehingga bayaran balik ini diakaunkan ke dalam akaun peminjam, pulangan balik ini tidak dapat dibuat. Di samping itu juga, tindakan-tindakan lain yang lebih penting perlu juga diambil ke atas fail peminjam tersebut seperti pelepasan hak-milik.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang Bahagian Pinjaman Perumahan tidak mengenakan sebarang denda ke atas bayaran balik yang lewat dijelaskan. Sebaliknya, Bahagian Pinjaman Perumahan juga tiada peruntukan untuk membayar faedah ke atas apa-apa bayaran balik yang terlebih dipotong.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pinjaman kenderaan pula, buat masa ini terdapat lebih daripada 24,000 akaun pinjaman kenderaan. Adalah diakui terdapat kes-kes di mana gaji peminjam masih dipotong setelah menjelaskan hutangnya dalam tempoh masa yang ditentukan. Antara sebab-sebabnya ialah:-

- (1) kes-kes pertukaran kakitangan antara Jabatan di mana maklumat lengkap pinjaman tidak dikemukakan;
- (2) pihak jabatan berkaitan lewat atau tidak mengemukakan perubahan gaji untuk memberhentikan potongan apabila tempoh bayaran balik berakhir;
- (3) potongan ansuran bulanan terganggu apabila pegawai mendapat cuti belajar ataupun kursus (tanpa gaji). Dengan ini potongan terakhir tidak boleh mengikut surat arahan yang dikeluarkan dan semakan yang teliti perlu dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, bayaran lebih lewat dipulangkan adalah disebabkan maklumat yang tidak lengkap dikemukakan ke pejabat ini. Selain daripada itu, setiap pulangan balik hanya dibuat setelah semakan yang teliti dijalankan untuk mengesahkan lebih potongan ini. Ini juga ada hubungkait dengan perkara (a) di atas.

Bayaran denda dikenakan ke atas peminjam yang gagal mematuhi arahan berdasarkan keputusan Perbendaharaan. Buat masa ini tiada peruntukan untuk membolehkan faedah dibayar atas potongan yang lebih dibayar.

PERGOLAKAN DI EROPAH TIMUR - PENDIRIAN MALAYSIA

14. **Tuan Hassan bin Harun** minta Menteri Luar Negeri menyatakan pandangannya dan pendirian Malaysia mengenai perimbangan kuasa di rantau Asia Tenggara setelah mengambilkira perubahan radikal di seluruh dunia khususnya penamatan Perang Dingin antara Blok Barat dengan Timur, perombakan sistem autoritarian di negeri-negeri Eropah Timur dan Soviet Russia, penyatuan EC dan dua Jerman serta menyemarakkan usaha damai di Afrika Selatan, Amerika Latin dan lain-lain tempat. Apakah strategi politik, ekonomi dan diplomasi Malaysia dalam menghadapi era yang mencabar ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita sedar bahawa perkembangan yang sedang berlaku di Eropah Timur, Soviet Union dan lain-lain tempat akan memberi kesan terhadap pengimbangan kuasa di rantau Asia Tenggara. Kita juga mengambil maklum bahawa Soviet Union telah menyatakan cadangannya untuk mengundurkan ketenteraannya di Vietnam dan juga di rantau ini. Di samping itu, baru-baru ini semasa lawatan Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat, Encik Dick Cheney ke

rantau Asia-Pasifik, Amerika Syarikat juga bercadang untuk raengurangkan ketenteraannya sebanyak 10%. Perkembangan ini menunjukkan kepada kita bahawa persaingan kuasa-kuasa besar di rantau ini telah berkurangan. Malaysia berpendapat perkembangan ini memberi kesan yang baik bagi rantau **ini**. Walau bagaimanapun, kita perlu terus berhati-hati supaya kuasa-kuasa yang lain tidak pula mengambil peluang untuk memenuhi tempat berikutan dengan kekurangan ketenteraan Soviet Union dan Amerika Syarikat di rantau ini.

Dengan pertimbangan ini Malaysia perlulah terus berusaha ke arah mencapai objektif ZOPFAN sebagai asas untuk menjadikan rantau Asia Tenggara sebagai kawasan yang aman dan stabil,

Selain daripada **itu**, kita juga menyedari bahawa hubungan ekonomi dan perdagangan yang stabil di kalangan negara-negara Pasifik akan memberi kesan yang baik ke arah keselamatan di rantau ini. Malaysia akan bekerjasama dengan negara-negara di rantau ini untuk meningkatkan kerjasama ekonomi dan perdagangan dan mencari jalan untuk mengurahkan jurang perbezaan ekonomi dan perdagangan yang mungkin akan menimbulkan ketegangan.

PUSAT SENI DAN MUZIK

15. **Puan Hajjah Habidah binti Jusoh** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengadakan satu pusat Seni dan Muzik bagi tiap-tiap negeri untuk memberi bimbingan dan latihan asas kepada penggemar-penggemarnya di kalangan belia beliawanis yang tumbuh bertambah di seluruh pelusuk tanahair tanpa apa-apa proses pengembelian yang bersepadu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan

[Tuan Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini telahpun ada suatu pusat kegiatan di negeri-negeri yang memberi peluang kepada belia dan beliawanis menjalankan kegiatan dan bimbingan kesenian, termasuklah kegiatan muzik terutamanya muzik tradisional. Pusat Seni ini dinamakan Taman Seni Budaya Negeri (TSBN). Sehingga kini 8 buah negeri telah mempunyai Taman Seni Budaya masing-masing. Negeri-negeri tersebut ialah Selangor, Perak, Kedah, Pahang, Negeri Sembilan, Johor, Sarawak dan Kelantan.

Kementerian telah merancang untuk mewujudkannya di semua negeri dalam Rancangan Malaysia Keenam bagi meluaskan penglibatan para belia/beliawanis di seluruh negara dalam bidang kesenian, termasuk seni muzik.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta keterangan daripada Setiausaha Parlimen mengapa di negeri Terengganu pusat seperti ini tidak diadakan? Adakah tidak dipersetujui oleh Kerajaan Negeri?

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya semua negeri bersetuju untuk diwujudkan pusat seni di negeri masing-masing. Sebanyak 5 buah negeri yang belum lagi dapat diwujudkan adalah kerana kita telah dan akan mendapatkan kerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menimbangkan tapak yang sesuai dan juga infrastruktur fizikal yang sedia ada ataupun yang baru sesuai dengan ciri-ciri persekitaran budaya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Norani binti Haji Beluah.

Puan Norani binti Haji Beluah Tuan Yang di-Pertua, soalan saya Nombor 16. Saya ingin membuat pembetulan sedikit, perkara (b) bukan 'terhadap', tetapi terdapat adanya pegawai'.

FELDA - PENEROKA MENENTANG DASAR KERAJAAN

16. **Puan Norani binti Haji Beluah** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:-

- (a) setakat hari ini adakah piha Kementerian mengambil tindakan mengeluarkan para peneroka/penerokawati rancangan FELDA yang anti Kerajaan, terutama penglibatan mereka boleh menghuruharakan sesebuah Rancangan FELDA; dan
- (b) apakah perancangan pihak Kementerian untuk memastikan semua Pegawai dan kakitangan FELDA adalah penyokong Kerajaan yang sejati, kerana pada masa ini terdapat adanya pegawai dan kakitangan FELDA yang tidak menyokong Kerajaan dan mencaci Kerajaan dan pemimpin.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan

Wilayah [Tuan Adam bin Abdul Kadir]: Tuan Yang di-Pertua, ada dua bahagian soalan ini:

- (a) Peneroka-peneroka yang ditempatkan ke rancangan FELDA dipilih oleh Jemaah Temuduga yang terdiri daripada wakil Kerajaan Negeri, Pejabat Daerah dan juga daripada wakil FELDA. Mereka yang dipilih boleh dikatakan berdasarkan kepada latarbelakang yang memuaskan. Tetapi ada juga selepas mereka menyertai rancangan FELDA, mereka mencetuskan keadaan yang agak serba salah. Walau bagaimanapun, setakat ini hanya seramai lebih kurang 319 peneroka telah diambil tindakan penyingkiran kerana mereka melanggar syarat-syarat penempatan ternasuk yang menjalankan aktiviti yang boleh memecahkan masyarakat peneroka itu sendiri.

(b) Kakitangan PELDA sedia maklum bahawa mengikut syarat-syarat perkhidmatan, mereka adalah kakitangan Kerajaan dan bertanggungjawab dengan segala peruntukan sebagai pegawai Kerajaan dan juga menjalankan tugas melaksanakan dasar-dasar Kerajaan. Sekiranya terbukti mereka menyeleweng dari tanggungjawab **ini**, tindakan tatatertib akan diambil mengikut peruntukan dalam syarat-syarat perkhidmatan Kerajaan.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya harap mendapat penjelasan dari Setiausaha Parlimen yang berkenaan. Tidakkah boleh bagi pihak PELDA menambah beberapa syarat yang membolehkan peneroka-peneroka yang dianggap durhaka kepada Kerajaan dan pemimpin negara ini dipecat daripada menjadi peneroka, di mana apa yang kita faham sebahagian besar daripada peneroka ini adalah terdiri daripada mereka yang miskin dan Kerajaan telah memberi kemudahan kepada mereka tetapi tidak mengenang budi. Apakah syarat yang lebih ketat tidak dikenakan kepada mereka?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana dalam jawapan saya tadi, penerimaan peneroka ini berdasarkan beberapa syarat, tatatertib, kelakuan mereka, disiplin dan berbagai-bagai lagi, termasuk saya rasa perbuatan-perbuatan yang boleh menggugat keamanan dan juga kestabilan. Jika mereka melanggar syarat-syarat ini, tindakan sesuai diambil berdasarkan syarat-syarat yang mereka sendiri menerima sebelum menjadi peneroka-peneroka **itu**. Tentu sekali termasuk perkara-perkara saya fikir Yang Berhormat sebutkan tadi.

WARISAN KESULTANAN MELAYU MELAKA

17. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) apakah dan setakat manakah usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan untuk mendapatkan semula khazanah Kesultanan Melayu Melaka dari Kapal Flora De Larma yang tenggelam di perairan Indonesia; dan
- (b) bagaimanakah Kerajaan dapat memastikan bahawa khazanah Kesultanan Melayu Melaka itu tidak dicuri oleh orang yang tidak bertanggungjawab.

Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, Kerajaan telahpun berunding dengan pihak Kerajaan Indonesia dalam usaha mendapatkan semula khazanah dan barang-barang warisan Kesultanan Melayu Melaka itu. Dalam hal ini , sebuah Jawatankuasa Kebangsaan telahpun ditubuhkan oleh kita untuk bekerjasama dengan pihak Indonesia bagi meneliti barang-barang warisan yang ditemui kelak untuk dikembalikan kepada negara kita.
- (b) Oleh kerana barang-barang tersebut berada di perairan Indonesia, kita berharap kepada kebijaksanaan Indonesia untuk memastikan tidak ada sebarang kecurian akan berlaku terhadap barang-barang yang ditemui itu.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Adakah pada pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri kesukaran bagi pihak Kerajaan kita untuk mendapatkan khazanah itu daripada Kerajaan Indonesia?

Dato Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, kalau barang-barang itu dapat ditemui oleh pihak yang akan mencari, saya kira pihak kita tidak akan meragui tentang untuk mendapatkan semula daripada pihak Kerajaan Indonesia barang-barang yang asalnya datang daripada Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka yang tertanam di perairan tersebut.

IMBANGAN PERDAGANGAN

18. **Dr. Ng Khok Khiung** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:-

- (a) apakah kedudukan sebenar mengenai imbalan dagangan negara masa kini ;
- (b) berapakah jumlah pendapatan hasil bahan-bahan eksport utama negara bagi tahun 1988 dan 1989; dan
- (c) apakah negara-negara rakan dagangan utama negara sekarang dan jenis bahan eksportnya. Adakah Kerajaan bercadang memperluaskan kawasan perdagangan ke negara-negara lain. Apakah negara-negara itu.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) berasaskan angka perdagangan Malaysia yang terakhir iaitu bagi Januari hingga Disember 1989, Malaysia mempunyai lebihan dalam imbalan dagangan sebanyak \$6,938 juta. Nilai eksport telah sebanyak \$67,836 juta dan import sebanyak \$60,898 juta.
- (b) Jumlah pendapatan hasil bahan-bahan eksport utama negara bagi Januari hingga Disember 1988 ialah \$38,793 juta, manakala bagi tempoh yang sama dalam tahun 1989 ialah \$44,433 juta.
- (c) Negara-negara rakan dagangan utama Malaysia sekarang ialah negara-negara ASEAN, Jepun, Amerika Syarikat dan Kesatuan Ekonomi Eropah. Mengikut jenis barangan eksport utamanya ialah alat-alat

jentera dan kelengkapan pengangkutan, bahan mentah yang tidak boleh dimakan, minyak galian, minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran serta barangan keluaran kilang.

Selain dari memperteguhkan kedudukan pasaran di negara-negara tradisional, Kerajaan sentiasa berusaha memperluaskan pasarannya serta mempelbagaikan jenis bahan-bahan yang dieksport. Dalam hubungan ini usaha-usaha galakan dagangan dipertingkatkan di pasaran-pasaran bukan tradisional seperti negara-negara Asia Barat, Amerika Selatan, Afrika dan negara-negara Kepulauan Pasifik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan P.Balaram.

Tuan P. Balaram: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ke 19, tetapi dengan pembetulan dalam barisan ketiga iaitu 'guru terlatih', bukan 'guru-guru pelatih'.

GURU BAHASA TAMIL DI SEKOLAH MENENGAH

19. **Tuan P. Balaram** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian Pendidikan sedar bahawa beberapa orang guru besar tidak membenarkan guru-guru terlatih dan berkelayakan untuk mengajar bahasa Tamil di Sekolah-sekolah Menengah untuk mengajar bahasa tersebut. Sebaliknya, dalam sebuah sekolah sahaja seramai 8 hingga 10 orang guru sambil diambil untuk mengajar bahasa Tamil secara kelas POL. Apakah Lni membazirkan wang di samping menjejaskan mutu pengajaran bahasa tersebut serta menggalakkan matlamat KBSM.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, makluman yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa adanya guru besar yang tidak membenarkan guru terlatih dan berkelayakan untuk mengajar bahasa Tamil di sekolah, sebenarnya tidak benar melainkan kalau Ahli Yang Berhormat merasakan perlu untuk memberikan maklumat-maklumat tambahan.

Guru besar akan mengarahkan guru-guru untuk mengajar matapelajaran mengikut option yang mereka ikuti semasa di universiti atau di maktab perguruan. Tetapi kita sedia maklum bahawa guru-guru yang ambil option bahasa Tamil sekarang ini tidak mencukupi. Sebab itulah Kementerian telah meningkatkan usaha raelaCih lebih ramai lagi guru-guru yang mengambil option bahasa Tamil di maktab-maktab perguruan sekarang ini, dan Kementerian sedapat yang boleh akan hanya menentukan bahawa hanya guru-guru yang berkelayakan sahaja diambil untuk mengajar di kelas-kelas tersebut.

TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1990 - PELANCONG TERKANDAS

20. **Tuan K. Sivalingam** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) sama ada peristiwa pelancong-pelancong dari luar negeri yang terkandas di Lapanganterbang Subang telah menjejaskan Tahun Melawat Malaysia 1990. Jika ya, apakah tindakan supaya perkara ini tidak berlaku lagi dan jika tidak apakah tindakan supaya tetamu-tetamu luar negeri diberi keistimewaan kepada mereka; dan
- (b) kes yang sama berlaku semasa ke Pulau Langkawi. Pelancong-pelancong itu terpaksa menunggu lebih masa kerana feri ke Pulau tersebut telah penuh. Mengapa Kerajaan tidak memperbanyakkan feri dan kenderaan lain supaya pelancong dari luar negeri tidak menghadapi kesulitan semasa di negara kita.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, peristiwa seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memanglah mendukacitakan, tetapi kita percaya ianya tidak menjejaskan Tahun Melawat Malaysia 1990. Kelewatan penerbangan memang sering berlaku kepada lain-lain syarikat penerbangan juga. Oleh **itu**, adalah diharapkan perkara ini tidak harus diperbesarkan.

Walau bagaimanapun, pihak Malaysia Airlines telahpun mengambil tindakan untuk membaiki perkhidmatannya. Dalam perkara ini, penumpang-penumpang juga perlulah menentukan supaya peraturan tempahan dan pengesahan tempat duduk dipatuhi bagi mengelakkan masalah seumpama ini berlaku.

Bagi jawapan (b), mengenai kemudahan pengangkutan yang tidak mencukupi terutamanya perkhidman feri, pihak-pihak yang berkenaan memang menyedari keadaan ini dan langkah-langkah tertentu telahpun

diambil bagi mengatasinya.

KOLEJ PENGAJIAN TINGGI MARA - KRITERIA PEMILIHAN

21. **Tuan David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Pendidikan menyatakan kriteria pemilihan untuk pemohon-pemohon yang ingin melanjutkan pelajaran ke kolej-kolej pengajian tinggi MARA.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sebenarnya menyentuh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar secara langsung. Walau bagaimanapun, oleh kerana saya mempengerusikan Jawatankuasa Kabinet yang berkenaan, saya pohon izin untuk menjawab soalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Institusi Pengajian Tinggi yang dikendalikan oleh MARA melalui Yayasan Pelajaran MARA (YPM) sebenarnya ialah program-program yang diadakan dengan universiti-universiti di United Kingdom tahap tahun pertama dan universiti-universiti di Amerika Syarikat tahap tahun pertama dan kedua sahaja.

Dengan penjelasan tersebut, kriteria untuk memasuki institusi-institusi di United Kingdom melalui program ini ialah pelajar-pelajar dikehendaki lulus 'A Level' sekurang-kurangnya dua prinsipal D, lulus 'English Language Testing Service' (ELTS) dan 'British Council English Competency Examination'. Markah yang diperolehi hendaklah sekurang-kurangnya 60%. Pelajar-pelajar hendaklah menunjukkan prestasi yang baik sebelum dibenarkan meneruskan pengajian mereka.

Bagi universiti-universiti di Amerika Syarikat pula, pelajar-pelajar hendaklah lulus SPM dengan mendapat aggregate tidak melebihi

20 unit bagi lima mata pelajaran seperti Matematik Moden, Matematik Tambahan, Fizik, Kimia dan satu mata pelajaran lain yang bukan dari Rampaian Sains.

Sementara itu, bagi mata pelajaran English 122 pula pelajar-pelajar hendaklah mendapat sekurang-kurangnya Kredit 5. Tiap-tiap pelajar hendaklah memperolehi 60 'credit hours' dalam tahun pengajian di institusi-institusi di Malaysia sebelum dikira layak mengikuti pengajian di Amerika Syarikat.

PROGRAM PERPADUAN KAUM 1990

22. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Perdana Menteri menyatakan apakah aktiviti-aktiviti atau program-program tahunan 1990 untuk perpaduan kaum di seluruh negara.

Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, program-program Kerajaan untuk memupuk perpaduan kaum meliputi hampir semua bidang termasuk program-program dalam bidang Bahasa Kebangsaan, pendidikan, sosio-ekonomi, media-massa, belia dan sebagainya. Sebilangan dari program-program ini juga merupakan program-program jangka raasa panjang dan tidak dirancang khusus buat satu-satu tahun sahaja. Di antara program-program yang dirancang khusus bagi memupuk perpaduan kaum ialah aktiviti-aktiviti untuk memasyarakatkan perpaduan yang dijalankan oleh Rukun Tetangga. Aktiviti-aktiviti ini termausklah kegiatan-kegiatan yang dapat menemukan masyarakat berbilang kaum dalam majlis-majlis untuk meningkatkan pergaulan dan persefahaman antara mereka. Majlis ini termasuk majlis dalam bentuk perjumpaan sosial, taklimat, seminar, sukan, khemah kerja, lawatan, skim anak angkat, kelas tadika dan sebagainya.

Bagi tahun 1990, Kerajaan bercadang untuk menambahkan Skim Rukun Tetangga secara beransur-ansur dan juga memesatkan aktiviti yang dijalankan olehnya. Misalnya lebih banyak cawangan jiran-muda dan jiran-wanita akan ditubuhkan di dalam kawasan Rukun Tetangga dan bilangan khemah kerja juga akan ditambah.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kerja-kerja yang dilakukan ataupun program-program yang dilakukan dalam usaha mewujudkan perpaduan ini amat penting dalam konteks masyarakat berbilang kaum di Malaysia **ini**, **tetapi** saya dapati kebanyakan daripada program-program ini mungkin lebih ditekankan kepada aspek muhibbah, berjumpa antara satu dengan lain, buat aktiviti yang melibatkan semua pihak dan sebagainya yang memanglah secara tidak langsung boleh menukarkan sikap. Saya ingin tahu sama ada ada atau tidak usaha-usaha yang secara lebih khusus di mana mungkin diadakan ceramah-ceramah memperkenalkan sistem-sistem budaya, umpamanya nilai, sikap yang berbeda-beda di antara satu kaum dengan satu kaum di dalam program-program yang diadakan ini.

Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya, **ada**. Sebenarnya, kita selain daripada mengadakan program-program yang saya sebutkan tadi, ada juga mengadakan lawatan integrasi, mengadakan khemah kerja, mengadakan khemah kerja kejiranan dan juga mengadakan jiran-muda dan jiran-wanita. Dan dalam aktiviti khemah kerja seperti ini banyaklah perkara dibincangkan daripada segi memberi taklimat, memberi syarahan, perbincang dan lain-lain yang serba sedikit akan mengaitkan soal yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu seperti memperkenalkan nilai dan sikap satu-satu budaya.

LESEN SYARIKAT KEWANGAN KETURUNAN INDIA

23. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) bilangan lesen kewangan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian dalam tempoh Dasar Ekonomi Baru;
- (b) daripada jumlah ini berapa banyakkah lesen yang telah diberikan kepada syarikat atau orang perseorangan rakyat keturunan India di negara ini; dan

- (c) sama ada Kerajaan berhajat meluluskan lesen kewangan kepada syarikat atau orang perseorangan rakyat keturunan India sekiranya ada permohonan di masa hadapan.

Dato' Wan Abu Bakar bin Han Mohamed; Tuan Yang di-Pertua, bilangan lesen syarikat kewangan yang dikeluarkan dalam tempoh Dasar Ekonomi Baru iaitu sejak tahun 1971 adalah sebanyak 21 buah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran lesen-lesen syarikat kewangan atau bank tidak dibuat mengikut kaum dan ianya juga tidak dikeluarkan kepada orang perseorangan atau syarikat tertentu kerana Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 menghadkan pegangan saham dalam Institusi-institusi Kewangan Berlesen kepada 10% bagi orang perseorangan dan 20% bagi syarikat. Pihak Bank Negara juga tidak menyimpan rekod mengenai pegangan ekuiti mengikut kaum. Bank Negara hanya mempunyai rekod mengikut kategori bumiputera dan bukan bumiputera sahaja. Ia bertujuan untuk mengesan penglibatan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

Buat masa ini pengeluaran lesen-lesen syarikat kewangan dan bank adalah dibekukan, kerana Kerajaan mendapati bahawa bilangan lesen yang sedia ada sudah mencukupi untuk menampung keperluan orang ramai. Sebaliknya bank-bank dan syarikat kewangan yang sedia ada digalakkan mengembangkan perkhidmatan mereka melalui pembukaan cawangan-cawangan di seluruh negara. Dengan demikian, peluang untuk melabur dalam bank dan syarikat kewangan hanyalah boleh dibuat melalui pembelian ekuiti dalam institusi-institusi kewangan yang sedia ada sekarang, tertakluk kepada had pemegangan saham yang telah ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi Soalan Jawab Mulut telah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No, 24 hingga 44 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN**3.38ptg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman

[Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan suatu usul atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bagi diputuskan dan disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujui.

Diputuskan,

Bahawa, walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1989)**Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (27hb Mac, 1990)

Tuan Yang di—Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk menyambungkan jawapan semalam. Dipersilakan Yang Berhormat.

3.40 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan promosi pelancongan, Kementerian melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC) sentiasa bekerja rapat dengan agensi-agensi pelancongan dalam usaha-usaha promosi di dalam dan juga di luar negeri. Agensi-agensi pelancongan digalakkan menyediakan pekej-pekej pelancongan khususnya untuk pasaran tempatan dan publisiti yang luas telah diberi oleh TDC dalam hal ini.

Tindakan sedang diambil oleh TDC sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kecil barang-barang Souvenir untuk Tahun Melawat Malaysia 1990 seperti berikut:-

- (i) memberi bantuan kewangan dan khidmat nasihat kepada pengusaha-pengusaha kraftangan yang berminat ;
- (ii) mengeluarkan risalah-risalah mengenal barang-barang souvenir serta tempat-tempat yang boleh didapati; dan

- (iii) menghasilkan ciptaan-ciptaan baru dan menggalakkan pengusaha-pengusaha yang berminat untuk mengeluarkannya secara besar-besaran.

Bagi mengatasi masalah kekurangan tempat-tempat penginapan, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang berikut:-

- (i) menggalakkan pengusaha-pengusaha hotel, chalet dan sebagainya membina atau menambah bilangan yang sedia ada;
- (ii) menyelaraskan dengan pemaju-pemaju flat atau condominium untuk disewa kepada pelancong-pelancong;
- (iii) melaksanakan konsep "home stay" dan "bed and breakfast";
- (iv) merancang program "camp site"; dan
- (v) Menaikkan taraf rumah-rumah rehat dan hotel-hotel kecil di negeri-negeri tertentu.

Mengenai saranan Yang Berhormat Senator Hassan bin Harun supaya Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan bersama Kementerian Penerangan membuat penghebahan yang meluas mengenai Tahun Melawat Malaysia 1990 khususnya, dan Dasar Pelancongan amnya, suka dijelaskan bahawa satu Jawatankuasa Sebaran Am yang diurusetikan oleh Kementerian Penerangan telahpun diwujudkan. Tugas-tugasnya meliputi penghebahan matlamat dan program Tahun Melawat Malaysia 1990 seluas-luasnya kepada rakyat melalui media elektronik, media cetak dan sebagainya.

Di samping itu juga, taklimat-taklimat tertentu telah dibuat oleh Kementerian kepada semua lapisan masyarakat di seluruh negara, misalnya, kepada pegawai-pegawai Kerajaan, ketua-ketua masyarakat, wartawan dan lain-lain pihak yang berkaitan.

Yang Berhormat Senator V.K. Sellapan telah membangkitkan isu mengenai penjualan samsu dan minuman yang mengandungi alkohol yang tinggi dalam bungkusan-bungkusan saiz ekonomi dan king size yang berukuran 30 mm x 120 mm dengan harga yang murah iaitu 60 sen, \$1.20 sen dan juga \$1.50 sen.

Penjualan samsu dalam bentuk bungkusan seperti yang dibangkitkan itu yang terdapat di kedai-kedai runcit adalah suatu aktiviti yang haram. Pihak Kerajaan sentiasa mengawasi kegiatan pengilang-pengilang haram dari masa ke semasa dan di samping itu meminta orangramai yang mengetahui tentang kegiatan ini supaya melaporkannya kepada pihak yang berkuasa supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil.

Yang Berhormat Senator Lau Keng Siong dan Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Rosnah telah menyentuh beberapa perkara mengenai Kementerian Kesihatan. Adalah diakui kadangkala bekalan ubat-ubatan di sesebuah hospital adalah berkurangan. Ianya disebabkan oleh masalah logistik dan kawalan inventori. Pada masa itu kuantiti ubat yang dibekalkan kepada pesakit dihadkan. Walau bagaimanapun, langkah-langkah untuk memperbaiki kawalan inventori ubat-ubatan sentiasa diambil perhatian dengan memperkenalkan sistem kawalan inventori secara berkomputer.

Menyentuh masalah doktor dari Myanmar yang tidak boleh berbahasa Inggeris, ini tidak mungkin berlaku kerana semua doktor-doktor berkenaan boleh bertutur dalam bahasa Inggeris kerana bahasa pengantar di universiti-universiti Myanmar adalah di dalam bahasa Inggeris .

Sehubungan dengan masalah kekurangan doktor-doktor pakar, Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha mengambil pakar-pakar dari luar negeri sebagai langkah sementara sehingga pakar-pakar tempatan mencukupi.

Mengenai pendidikan kesihatan terhadap penyakit kanser, pada tahun ini Kementerian Kesihatan akan mempergiatkan lagi pendidikan kesihatan berhubung dengan penyakit ini dan juga penyakit-penyakit lain yang akan dibuat secara besar-besaran.

Mengenai surau di hospital-hospital, adalah dimaklumkan bahawa kesemua hospital mempunyai surau ataupun bilik-bilik sembahyang.

Yang Berhormat Senator Puan Mazidah binti Haji Zakaria telah menyentuh beberapa perkara mengenai Kementerian Belia dan Sukan.

Suka dijelaskan bahawa takrif "belia" yang dipakai oleh Kementerian berkenaan ialah bagi mereka-mereka yang tergelung dalam lingkungan" umur 15 hingga 40 tahun. Kementerian berkenaan telah menganjurkan berbagai program bukan sahaja khusus untuk para belia lelaki bahkan juga para belia wanita. Di samping itu, Kementerian Belia dan Sukan melalui Bahagian Sukannya telahpun menubuhkan Majlis Sukan Orang Cacat khusus untuk merancang program-program bagi mereka. Kementerian berkenaan juga membantu dan melatih orang-orang cacat untuk mengambil bahagian dalam kejohanan di peringkat antara-bangsa .

Mengenai Tabung Amanah Usahawan, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa memerhati dan mengikuti kemajuan dan kejayaan belia-belia yang telah diberi pinjaman dari tabung ini dan sejak ianya ditubuhkan pada tahun 1988, sebanyak 238 projek telah diwujudkan dan kini masih berjalan dengan lancar.

Mengenai kedai solek di bandar, ianya memang ada. Bagaimanapun, bilangannya tidak ketara kerana pemilihan tempat terpulang kepada belia itu sendiri. Tambahan pula sewa ruang berniaga di bandar agak mahal.

Yang Berhormat Senator Hassan bin Harun dan Yang Berhormat Senator Mustafa bin Awang telah menyentuh mengenai masalah bertambahnya kes-kes tertangguh di mahkamah-mahkamah. Langkah yang sedang dan akan diambil untuk mengurangkan dan mempercepatkan penyelesaian kes-kes tertangguh ialah:-

- (i) menambah bilangan Hakim-hakim di semua peringkat mahkamah;
- (ii) menambah bilangan bilik-bilik bicara;
- (iii) menambah bilangan lain-lain kakitangan sokongan;
- (iv) melaksanakan sistem litaran mulai 1hb Februari, 1989 iaitu semua Hakim-hakim Mahkamah Sesyen diarahkan supaya mengadakan pembicaraan di Mahkamah Majistret di daerah-daerah;
- (v) semua perbicaraan di mahkamah-mahkamah dimulakan lebih awal iaitu jam 9.00 pagi;
- (vi) mewujudkan Mahkamah-mahkamah Majistret Kelas Dua sejak ~~1987 untuk tidak melebihi 3.00 jam~~ yang membabitkan

(vii) meningkatkan bidangkuasa untuk mendengar kes-kes sivil - majistret boleh mendengar kes-kes yang melibatkan tuntutan daripada \$10,000 hingga \$25,000, manakala \$25,000 hingga \$100,000 bagi Hakim-hakim Mahkamah Sesyen.

Mengenai isu yang berkaitan dengan Kementerian Pertahanan, untuk makluman Yang Berhormat Senator Mustafa Awang, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sememangnya sentiasa membuat rondaan di Laut China Selatan dan Selat Melaka bagi mencegah pencerobohan nelayan-nelayan asing ataupun pelarian-pelarian dari negara jiran.

Pihak TLDM telah membuat rondaan sedaya yang mungkin dengan bilangan kapal yang terhad sedangkan kawasan perairan yang begitu luas. Selain dari itu Jabatan Perikanan dan Jabatan Polis Merin yang juga bekerjasama membuat tugas-tugas rondaan.

Mengenai cadangan supaya TLDM membuat pengkalan di Pulau Redang, setakat ini Kementerian Pertahanan belum ada rancangan untuk menubuhkan pengkalannya di Pulau tersebut kerana pengkalan TLDM yang sedia ada di Tanjung Gelang, Kuantan adalah masih memadai untuk menampung keperluan di perairan Pantai Timur.

Mengenai cadangan pembinaan kompleks Sepuluh Briged di Marang, Terengganu yang telah tertangguh berikutan dengan masalah-masalah tertentu, insya Allah, akan kita sambung perlaksanaannya dalam Rancangan Malaysia Yang Keenam.

Menyentuh berkenaan dengan kebajikan kepada anggota keluarga Angkatan Tentera, sebenarnya Kerajaan tidak pernah lupa akan kebajikan ahli keluarga tentera, lebih-lebih lagi kepada keluarga anggota tentera yang suami atau anak mereka telah terkorban semasa menjalankan tugas. Pampasan- pampasan tertentu memang disediakan oleh Kerajaan untuk mengurangkan beban tanggungan ahli-ahli keluarga anggota tentera yang terlibat.

Di antara pampasan yang disediakan oleh Kerajaan ialah seperti pampasan kematian pampasan hilang-upaya, kemudahan persekolahan anak-anak serta wang persaraan yang telah ditetapkan dan lain-lain pemberian sama ada daripada pihak Kementerian Pertahanan khususnya dan dari pihak Kerajaan amnya.

Berhubung dengan pakaian baju celoreng yang didapati dipakai oleh orang awam, adalah dijelaskan bahawa baju-baju celoreng yang

telah digunakan oleh anggota tentera tidak akan diedarkan kepada orang awam kerana mana-mana uniform yang tidak digunakan lagi akan dibuat pelupusan dan tidak dikeluarkan secara sewenang-sewenangnya.

Mengenai Kementerian Pendidikan, seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh dan Yang Berhormat Tuan Lau Keng Siong, adalah tidak benar Kementerian Pendidikan tidak mengambil tindakan yang tegas terhadap masalah dadah dan peras-ugut di sekolah. Beberapa langkah telah diambil untuk mengelakkan lebih ramai murid-murid sekolah daripada terceburlah dalam kancang penyalahgunaan dadah dan aktiviti-aktiviti yang tidak diinginkan iaitu:

- (1) mengadakan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum;
- (2) memasukkan pendidikan pencegahan dadah ke dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (CKBSM) melalui semua mata-pelajaran;
- (3) mengadakan Kem Jaya Diri dan Kem Kaunseling; dan
- (4) mengadakan lawatan-lawatan mengejut dari masa ke semasa oleh Pegawai-pegawai Pencegah Penyalahgunaan Dadah dari berbagai-bagai peringkat Kementerian Pendidikan dengan kerjasama pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan dan PEMADAM.

Mengenai masalah kekurangan Guru-guru Bahasa Inggeris, kekurangan yang wujud ialah dari kalangan guru-guru tetap yang terlatih dalam bidang pengajaran bahasa Inggeris. Kementerian Pendidikan menampung kekurangan ini dengan mengambil Guru-guru Sandaran Bahasa Inggeris yang berkebolehan. Di samping itu langkah-langkah berikut juga telah diambil iaitu:

- (i) pengambilan Guru Option Bahasa Inggeris yang lebih ramai iaitu kira-kira 30% lebih daripada pengambilan tahun 1989;
- (ii) raenganjurkan Kursus Perguruan Lepasati Ijazah bagi pengajian bahasa Inggeris mulai tahun 1989;
- (iii) universiti-universiti tempatan dan XTM diminta menawarkan lebih banyak tempat untuk kursus ijazah dalam bahasa Inggeris; dan
- (iv) mengadakan Kursus Pemindahan (Conversion Course) bagi Guru Sains untuk mengajar bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh dan Yang Berhormat Senator Puan Maaidah binti Haji Zakaria ada menyentuh berkenaan dengan Perpustakaan Negara.

Selaras dengan Akta Perpustakaan Negara (Pindaan) 1987, Perpustakaan Negara bertanggungjawab untuk menggalak dan memudahkan sistem Perpustakaan Awam di seluruh negara. Justeru itu, Perpustakaan Negara telah dan sedang berusaha menjalankan aktiviti-aktiviti untuk menanam sifat gemar membaca di kalangan masyarakat luar bandar di samping aktiviti on-going yang dijalankan dari masa ke semasa. Perpustakaan Negara juga telah terlibat dalam menjayakan aktiviti sempena Tahun Membaca 1988 seperti aktiviti Galakan Belia Membaca melalui Perpustakaan di peringkat Kebangsaan, Bengkel Teater Kanak-kanak, ceramah mengenai Komputer, Dunia Penulisan, Pembelajaran Ibubapa ke Arah Pembacaan Awal Anak-anak, Forum, Ilustrasi Buku Kanak-kanak, Pamiran seperti "Kenali Malaysia", Manuskrip Melayu, Pembacaan dan Minat Membaca, Pertandingan Membaca dan Bercerita untuk kanak-kanak, Peraduan Mencari Maklumat, Kuiz, Persembahan Bercerita dan Pelancaran Bulan Perpustakaan.

Selain daripada itu sempena Tahun Ilustrasi Antarabangsa 1990, Perpustakaan Negara sedang berusaha menjalankan aktiviti seperti Peraduan Mencari Maklumat Perpustakaan di peringkat Kebangsaan. Perpustakaan Negara sedang berusaha mempertingkatkan infrastruktur Perpustakaan dan mewujudkan rangkaian perkhidmatan Perpustakaan Awam

di seluruh negara. Ini termasuk memperluaskan perkhidmatan perpustakaan di luar bandar seperti Perpustakaan Desa, Perpustakaan Kelompok, Perpustakaan Mini dan Perpustakaan Bergerak. Usaha ini dijalankan bersama dengan agensi-agensi seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian dan juga Jabatan Belia dan Sukan, KEMAS, FELDA, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri dan Jawatankuasa Kemajuan Kampung. Bilangan Perpustakaan Bergerak pada tahun 1988 adalah berjumlah 57 buah. Pada tahun 1989 sebanyak 9 buah lagi telah diwujudkan dan dalam tahun 1990 sebanyak 5 buah lagi telah ditambah.

Yang Berhormat Senator Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh meminta Kementerian Luar Negeri menyatakan jumlah penuntut-penuntut Malaysia yang mengambil keputusan untuk menetap di luar negeri setelah tamat pengajian.

Tuan Yang di-Pertua, adalah.sukar bagi Kementerian Dalam Negeri untuk menyediakan rekod ini oleh kerana sebahagian besar penuntut-penuntut persendirian tidak melapor atau mendaftarkan diri mereka dengan Kementerian atau Pejabat-pejabat Penuntut di luar negeri walaupun mereka dinasihatkan berbuat demikian. Bagi penuntut-penuntut yang diblayai oleh Kerajaan, masalah ini tidak timbul oleh kerana ikatan kontrak yang memerlukan mereka pulang bekerja di tanahair selepas tamat pengajian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Mazidah binti Haji Zakaria telah metiyentuh mengenai Blok Menara Bangunan Parlimen. Sukalah dijelaskan bahawa Blok Menara Bangunan Parlimen yang mempunyai 17 tingkat adalah mengandungi bilik-bilik pejabat untuk semua Ahli-ahli Parlimen iaitu Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara termasuk Perdana Menteri dan Ahli-ahli Pembangkang. Pejabat ini disediakan supaya Ahli-ahli Dewan'dapat keistimewaan berpejabat semasa Dewan bersidang. Sekiranya Ahli-ahli Dewan sendiri tidak menggunakannya, maka tiadalah faedah yang diperolehi dari mempunyai pejabat-pejabat ini. Oleh yang demikian, terpulanglah kepada Ahli-ahli Dewan untuk mengambil kesempatan menggunakan pejabat-pejabat ini, Pihak Parlimen cuma menyediakan kemudahan untuk Ahli-ahli Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah penjelasan yang dapat saya sampaikan dalam Dewan ini terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989) 1990. Mana-mana isu yang tidak sempat dijawab telahpun diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan serta menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui,
Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato'Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu telah dsetujukan tanpa pindaan. Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2), saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989) 1990 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato'Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan

diluluskan sekarang.

Masalah diketnuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
SERI PAHLAWAN GAGAH PERKASA (ELAUN KENANGAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.05 ptg.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon raencadangkan iaitu Rang Undang-undang Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai pemberian Elaun Kenangan kepada penerima-penerima darjah kebesaran Seri Pahlawan Gagah Perkasa dan untuk perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undaag-undang ini ialah untuk menimbang serta memberi persetujuan kepada cadangan supaya penerima-penerima darjah kebesaran SP diberi Elaun Kenangan sebanyak \$200 sebulan seumur hidup dan waris-waris penerima secara posthuraous award, dengan izin, dan yang meninggal sebelum tarikh kuatkuasa Rang Undang-undang diberi Elaun Kenangan sebanyak \$20,000 sekali sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pengurniaan darjah kebesaran SP iaitu darjah kebesaran yang terkanan sekali daLam susunan darjah-darjah kebesaran di Malaysia adalah satu penghormatan yang tertinggi sekali dianugerahkan kepada sesiapa sahaja yang telah menunjukkan kegagahan yaag luarbiasa daa yang sanggup berkorban demi untuk mempertahankan negara.Pengorbanan nyawa keracia menjalankan tugas bagi mempertaliankan negara tidak. dapat dinilai dengan wang ringgit atau dengan apa jua sekalipun. Namun demikian, sebagai tanda

pengiktirafan Kerajaan bagi mengenang jasa-jasa mereka, Kerajaan berpendapat adalah wajar memberi Elaun Kenangan secara token, dengan izin, diberikan kepada penerima darjah kebesaran SP yang masih hidup sebanyak \$200 sebulan seumur hidup. Bagi waris-waris penerima secara posthumous award, dengan izin, dan yang telah meninggal sebelum tarikh kuatkuasa Rang Undang-undang pula, mereka dibayar sebanyak \$20,000 sekali sabaja.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga ke hari ini seramai 24 orang telah dikurniakan dengan darjah kebesaran SP dan 9 orang daripadanya masih hidup. Pembayaran Elaun Kenangan ini memerlukan suatu undang-undang khas oleh keranan ianya berbea dengan bayaran pencen. Oleh yang demikian, bagi menentukan kelayakan menerima Elaun Kenangan ini, maka perlu diwujudkan undang-undang Seri Pahlawan Gagah Perkasa (Elaun Kenangan) 1990 yang berkuatkuasa pada **8 Jun, 1983**.

Tuan Yang di-Pertua, Elaun Kenangan ini adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan dan pemberian Elaun Kenangan ini akan melibatkan Kerajaan membelanjakan sebanyak \$21,600 tiap-tiap tahu bagi membayar Elaun Kenangan pada 9 orang penerima yang masih hidup. Sebanyak \$442,200 diperlukan bagi bayaran pertama yang termasuk bayaran \$20,000 sekali sahaja untuk 15 orang.

Dengan itu, saya mencadangkan Rang Undang-undang Akta Seri Pahlawan Gagah Perkasa (Elaun Kenangan) 1990 ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Abli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai pemberian Elaun Kenangan kepada penerima-penerima darjah kebesaran Seri Pahlawan Gagah Perkasa dan untuk perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Yang Berhormat Puan Mazidah.

4.07 ptg.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana kesempatan yang diberikan untuk saya turut serta membabaskan Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai pemberian Elaun Kenangan kepada penerima-penerima darjah kebesaran Seri Pahlawan Gagah Perkasa dan untuk perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syabas dan awal-awal saya ingin menyatakan saya bangun untuk menyokong 100% bagi kelulusan Akta ini di Dewan yang mulia ini sepertimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sewaktu membentangkan Rang Undang-undang ini sebentar tadi,

Nilai pengorbanan seseorang perwira negara dalam usaba-usaha mempertahankan negara ini adalah tidak dapat diukur dengan pemberian apa sekalipun. Oleh kerana itu, sememang amat wajarlah Akta yang sedemikian ini diwujudkan untuk sama-sama kita luluskan malahan saya merasakan penghargaan dan sumbangan yang kita berikan terhadap pengorbanan mereka ini dan apa yang mereka lakukan ini tidak setimpal dengan apa yang telah diberikan oleh tokoh-tokoh yang menerima darjah kebesaran Seri Pahlawan Gagah Perkasa ini.

Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya nyatakan mengenai Rang Undang-undang ini bukanlah mengenai Rang Undang-undang itu tetapi lebihnya dari segi mendapatkan sedikit penjelasan semata-raata.

Yang pertamanya, ialah dari segi Kasal 3(1) iaitu Elaun yang diberikan itu sendiri, adakah ianya merupakan elaun yang diberikan tanpa cukai ataupun adakah ianya bebas dari di cukai. Itu mungkin saya rasa memang sepatutnya ia bebas dari cukai tetapi hanya ingin bertanya kerana tidak jelas.

Yang keduanya, Fasal 4(1) dinyatakan pemberian Elaun Kenangan ini akan terhenti:-

- (a) apabila penerima itu meninggal;
- (b) apabila penerima itu disabitkan bagi suatu kesalahan oleh mahkamah undang-undang dan dihukum; dan
- (c) apabila penganugerahan Darjah Kebesaran itu dikanselkan atau dibatalkan.

Saya hanya ingin sedikit penjelasan kerana saya mengandaikan mereka yang menerima penganugerahan iaitu penerima-penerima Darjah Kebesaran Seri Pahlawan Gagah Perkasa ini pada andaian saya adalah merupakan warganegara-warganegara Malayaia sendiri walaupun ia terbuka kepada sesiapa juga yang telah menunjukkan cukup bukti untuk ia menerima Darjah Kebesaran ini.

Namun begitu saya ingin sedikit penjelasan apa akan jadi kepada penerima, kalaulah dia merupakan seorang warganegara Malaysia, yang pada akhir-akhirnya berhijrah ke negara lain, dan tidak lagi menjadi warganegara Malaysia sendiri, Adakah ini juga termasuk dalam kumpulan iaitu dalam ertikata setelah ia diberikan walaupun dia tidak lagi merupakan warganegara, adakah elaun dan juga penganugerahan itu tetap dipegangnya atau tidak.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh Fasal 5(1) dan juga Fasal 6, kalau tidak silap saya iaitu mengenai bayaran sejumlah wang sekali gus sahaja sebanyak \$20,000 apabila berlaku kematian dan wang ini diberikan kepada suami atau isteri atau isteri-isteri dan anak-anak kepada penerima yang meninggal itu iaitu yang masih hidup. Ini juga saya ingin bertanya satna ada wang pemberian yang banyak dalam sekali gus ini dikenakan ataupun tidak dikenakan cukai.

Saya ingin menyatakan jika ada ura-ura supaya cukai dikenakan pada pemberian ini, saya ingin mengesyorkan janganlah perkara itu dilakukan kerana sebagai penghargaan kita kepada jasa penerima ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan penerangan bahawa setakat ini hanya ada 20 orang sahaja penerima-penerima Darjah Seri Pahlawan Gagah Perkasa ini.

Saya terlebih dahulu meminta berbanyak-banyak maaf kerana kalau apa yang saya akan nyatakan ini sudahpun dilakukan, tetapi jika belum dilakukan, saya ingin mencadangkan iaitu saya melawat Tugu Negara lama dahulu, sudah lama saya tidak melawatnya dan kemungkinan perkara ini sudah dilakukan. Saya merasakan selain daripada

penghargaan yang kita berikan kepada penerima-peneriraa Darjah S.P. ini yang kita berikan elaun seumur hidupnya dan juga pingat, darjah-darjah dan sebagainya. Apa kata kalau nama-nama mereka ini disemadikan dengan menyenaraikannya di Tugu Negara itu sendiri.

Saya amat tertarik hati dengan apa yang dilakukan di Washington, kepada mereka yang telah terkorban di daiam Peperangan Vietnam, di mana ada satu dinding marmar hitam yang padanya terlukis ataupun disemadikan nama-nama setiap pahlawan yang gugur. Yang saya maksudkan di sini orang ataupun tokoh-tokoh yang menerima Darjah Seri Pahlawan ini bukan calang-calang orangnya dan dia tidak berlaku tiap-tiap hari di dalam hidup kita. Kalau hanya 24 nama sahaja yang ada setakat ini iaitu 9 masih hidup yang lain itu sudah meninggal, apa kata bagi setiap yang telah meneriraa dan telah meninggal bukan yang masih hidup, yang masih hidup itu belum tentu lagi apa yang akan jadi padanya, tetapi yang telah meninggal ini disemadikan namanya di satu tempat atau tanda dan sebagainya, yang saya rasakan paling sesuai ialah di Tugu Negara itu sendiri.

Jadi dengan pandangan yang ringkas ini, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Ainon.,
4.15 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Seri Pahlawan Gagah Perkasa (Elaun Kenangan) 1990.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak lengkap kalau saya tidak bangun menyokong akan satu Rang Undang-undang yang agak belum pernah dikemukakan di Dewan ini sebelum ini, kerana saya adalah

dari keluarga tentera, suami saya dan diri saya sendiri pernah menjadi tentera dan kita ada wakil daripada pihak tentera yang baru sahaja diberikan gelaran Senator di Dewan kita ini. Namun demikian saya merasakan wajar bagi saya dan semua kawan-kawan di Dewan Senat ini menyokong penuh akan Rang Undang-undang Seri Pahlawan Gagah Perkasa ini.

Pada peringkat mulanya, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir elaun yang hendak diberikan ini \$1,000, \$2,000 tetapi saya rasa terkilan apabila membaca di dalam Akta ini dari dahulunya hanya \$200. Saya rasa elaun kenangan Seri Pahlawan Gagah Perkasa tidak begitu sesuai dengan nilai \$200 tambahan elaun kerana mereka itu mengadaikan nyawa, maruah dan telah memberikan pengorbanan maka baru dapat bintang yang berkenaan. Namun begitu jadilah, sekurang-kurangnya sudah ada, kenangan ada, timbang-rasa ada, rasa terima kasih Kerajaan, negara kepada mereka walaupun sebelum ini kita tidak nafikan Kerajaan juga sentiasa menghargakan jasa-jasa perajurit-perajurit kita walaupun saya fikir kadangkala tahapnya terlalu minima.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit dalam Rang Undang-undang ini iaitu perkara yang berkaitan dengan Fasal 5(2) yang berbunyi:

"5(2) Jika Darjah Kebesaran dianugerahkan selepas mula berkuatkuasanya Akta ini kepada seseorang yang telah mati....."

seperti yang telah disebutkan oleh Timbalan Menteri yang charming tadi iaitu 20 orang sahaja yang menerima bintang ini dan 9 yang masih hidup, ertinya seramai 11 orang yang telah pun kembali ke

alam baka, maka bolehlah diberi satu jumlah wang sebanyak \$20,000 hanya sekali iaitu kepada waris-waris kadimnya, ertinya tidak adalah elaun ini diberikan secara bulan-bulanan,

Pada pendapat saya, kalau kita hendak berikan elaun adalah juga baiknya diberikan elaun itu bulan-bulanan kepada waris-waris kadim simati atau mereka yang telah memberikan jasa bakti, kalau dibandingkan dengan \$20,000 bulan-bulan \$200 anak katalah baru berumur 10 tahun, raungkin anak-anak ini atau isteri ini akan hidup lebih kurang 40-50 tahun, kalau dibahagikan dengan \$20,000 saya rasa lebih baik kalau diberikan \$200 setiap bulan. Ini pandangan saya. Naraun demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk membuat pindaan kepada Rang Undang-undang ini.

Jadi, saya tidak bercadang hendak membuat pindaan hanya sanya minta perhatian, mana tahu di lain kali Kerajaan kita hendak meminda pula kepada Rang Undang-undang yang akan diluluskan ini, umpamanya dipertambah elaun \$200 kepada \$500 atau \$1,000; rasa malu pula negara kita kalau dibandingkan dengan negara-negara lain yang menghormati para perajurit mereka. \$200 sebulan Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini sekadar untuk duit pasar bagi keluarga 5 orang pun tidak mencukupi. Jadi bagaimanakah jasa cemerlang yang telah mereka korbakan, mungkin ada di antara yang mendapat bintang ini yang dikatakan tadi telah menjadi arwah kerana gagah beraninya mempertahankan negara, yang masih hidup 9 orang.

Saya juga ingin mendapat penjelasan di manakah mereka ini sekarang ini, adakah mereka ini masih sihat walafiat atau cacat, cedera kerana kegagahan mereka mempertahankan negara yang tercinta ini. Saya pula merasakan bahawa perajurit mempunyai satu pengorbanan dan mempunyai bakti yang lebih mulia daripada lain-lain tugas atau tanggungjawab kerana mereka apabila menandatangani menjadi seorang tentera- atau perajurit, mereka seolah-olah telah mengadaikan nyawanya dengan secara jelas dan direct kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk memanjangkan kalam, dengan ini sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Seri Pahlawan Gagah Perkasa (Elaun Kenangan) 1990.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tan Sri.

4.20 ptg.

Jen (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap buat pertama kalinya dalara Majlis yang mulia ini. Maksud saya tidaklah hendak memberi pidato ataupun apa-apa yang begitu panjang lebar.

Yang sebenarnya perkara ini sangat bermakna kepada saya sebagai bekas Angkatan Tentera dan juga ada perkaitan kepada kenangan-kenangan saya sejak saya masuk tentera dahulu. Oleh kerana itu saya ingin terlebih dahulu menyokong dengan sekuat-kuatnya apa yang telah dibentangkan dalam Rang Undang-undang Seri Pahlawan Gagah Perkasa (Elaun Kenangan) 1990 ini.

Perkara ini harus yang sebenarnya dijelaskan ataupun dikemukakan bertahun-tahun lalu, akan tetapi oleh sebab-sebab yang tidak boleh dielakkan mungkin, syukur alhamdulillah, sampai juga pada masanya yang perkara ini telahpun dikenang dan juga dihormati dan akhir-akhirnya akan diberi kerestuan untuk Rang Undang-undang ini diluluskan dan saya menyokong sekuat-kuatnya.

Apa yang sahabat saya Yang Berhormat Ahli Dewan tadi sebutkan berkenaan dengan Rang Undang-undang ini khususnya berkaitan dengan \$200 sebulan itu, sememangnya tidak langsung boleh memberi pertolongan kepada pihak yang berkenaan. Ini saya sangat-sangat cerasa sedih dan kalau boleh pada masa yang akan datang ini dicari jalan supaya dapat juga ditambah, kalau tidakpun ditambahkan laun \$200 sebulan, mungkin perkara-perkara lain itu boleh difikirkan supaya sipenerima ataupun saudaranya itu, ataupun yang diwakili itu dapat juga menikmati sama. Umpamanya, raungkin segala allowances ataupun privileges, dengan lain, boleh diberikan dengan melalui

perjalanan keretapi ataupun kapal, kapal terbang dan sebagainya, kalau sekiranya boleh diberi dengan percuma kepada pemegang S.P. (Seri Pahlawan) itu. Oleh kerana sepertimana yang telah diterangkan tadi, hendak mencapai Seri Pahlawan ini bukan mudah, ini perkara luar biasa. Saya dalam tentera dahulu bergila-gila cuba sendiri ingin sangat hendak dapatkan Seri Pahlawan itu, tetapi untuk dapat Seri Pahlawan ini boleh dikatakan orang luar biasa dan kejadian yang luar biasa dan apakah nasibnya kepada orang yang dapat dan yang masih hidup lagi itu, Tuhan sahaja yang tahu.

Jadi, atas korban raereka itu, bukan sahaja kepada peribadinya ataupun pasukannya, bahkan kepada negara. Jadi oleh kerana pengorbanan itu saya rasa, lagi sekali saya ulangi, \$200 itu tidak langsung setimpal kepadanya. Walau bagaimanapun, saya tidak merasakan perkara ini tidak patut tetapi boleh lagi kita cari jalan sepertimana saya kata tadi) menambahkan penghargaan kita kepada sipenerima S.P. itu.

Saya juga harap bukan sahaja yang menerima S.P. itu diberikan pembayaran seperti yang S.P., bahkan PGB juga - PGB seperti Military Cross, ataupun Pingat Pahlawan Gagah Berani. Ini satu lagi pingat yang bawah sedikit, tetapi untuk menerima ataupun mencapai P.G.B. itu perbuatan itu boleh dikatakan sama luar biasanya, keberanian dan sacrificesnya itu, dengan izin, semuanya luar biasa daripada kita semua inilah. Jadi, kalau boleh diberi perhatian terhadap PGB juga, saya percaya bukan sahaja sipenerima itu, bahkan kepada Angkatan Tentera amnya dan juga pihak Polis yang layak dapat menerima ingatan bangganya itu. Jadi penerimaan sepercipi ini implikasi dan psychological impact of the award, dengan izin, means a lot not only to the recipient, dengan izin, bahkan juga anak isterinya, keluarganya dan pasukannya serta negaranya. Jadi, pemberian ini kalau di negara

luar ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan main lagi dijunjung tinggi kepada orang yang dianugerahkan itu. Saya ingat mungkin apabila dibuat untuk rekomendasi penerimaan SP dan saya harap PGB juga, mungkin ramai yang kurang pasti apa dia yang patut diberi pendapatan melalui Seri Pahlawan ini.

Jadi, inilah rayuan saya melalui Yang Berhormat Menteri sudi agaknya memberi perhatian yang berat supaya dapatlah hendaknya sipenerima SP itu dan juga balu-balunya termasuklah kalau saya boleh juga appeal, penerimaan PGB juga (Pingat Pahlawan Gagah Berani) ataupun equivalent kepada bahasa Inggerisnya, Military Cross.

Juga kepada siapa yang menerima SP ini saya juga ingin merayu kepada pihak yang berkenaan kalau ada apa-apa hari kebesaran, Hari jadi Duli Yang Maha Mulia ataupun National Day kita, itu semua kalau boleh mereka itu tidak dilupakan, dijemput juga mereka itu bersama-sama dengan keluarga mereka. Ini juga akan memberi sangat bermakna kepada penerima S.P. itu, Tuan Yang di-Pertua.

Saya sebutkan tadi, saya tidak ingin hendak memberi ucapan panjang lebar mengenai perkara ini, yang penting itu ialah perkara ini telahpun selamat sarapai ke sini dan akhir-akhirnya dapat juga raemberi serba sedikit kenangan daripada Kerajaan dan juga rakyat untuk diberi kepada S.P. Kalau boleh cubalah pada masa akan datang berilah apa yang boleh untuk menambahkan kepada mereka yang menerima SP itu dan juga PGB yang akan datang.

Akhir sekali saya ingin mengambil peluang di sini, Tuan Yang di-Pertua, untuk melafazkan junjung kasih saya kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda kerana melantik saya ke Dewan yang mulia ini dan juga kepada Kerajaan, kepada pihak yang berkenaan dan tidak

ketinggalan kepada semua Ahli-ahli di Dewan Negara ini, saya ucapkan sebanyak terima kasih dan saya akan cuba seberapa boleh untuk memainkan peranan saya seperti yang dikehendaki itu bersama-sama yang lain. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekali lagi saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk memberikan jawapan.

4.28 ptg.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan sebanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dan memberi sokongan serta ucap tahniah kepada Kerajaan terutamanya kepada Yang Berhormat Senator Mazidah binti Haji Zakaria, Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin dan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Mohd. Ghasali. Saya rasa sememangnya merupakan satu keinginan dan hasrat Kerajaan untuk tidak akan melupakan bagi mereka yang telah senanciasa menunjukkan kehandalan yang telah berjasa dengan baik untuk Kerajaan dan negara kita.

Mengenai perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Mazidah berkenaan dengan adakah anugerah ini dikecualikan daripada cukai, elauben kenangan ini adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan kerana elauben kenangan ini akan melibatkan pemberian sekali ataupun mengikut pemberian yang tidak melibatkan keperluan untuk dicukai.

Berkenaan dengan perkara sama ada jika seseorang penerima itu merupakan warganegara Malaysia dan sejak akhir-akhir ini telah berhijrah, perkara ini belum lagi berlaku tetapi akan dibuat penentuan oleh Pengerusi Jawatankuasa Anugerah Darjah ini, iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jika timbul kes seperti ini.

Berkenaan fasal yang dibangkitkan sama ada cara pemberian ini perlu dipertingkatkan, iaitu jumlahnya, Kerajaan akan memberi perhatian tentang perkara ini, kerana sewaktu dijalankan kajian. inilah jumlah yang difikirkan buat permulaan. Jadi, Kerajaan akan mengambil perhatian ini dengan memberi perhatian yang sewajarnya.

Berkenaan dengan juralah ataupun cadangan yang dikatakan sama ada boleh disenaraikan seperti yang di lakukan di tempat-tempat lain,. Kerajaan belum bercadang untuk melakukan yang sedemikian. Jadi, setakat ini, sekadar ini yang boleh dilakukan. Mungkin di masa-masa yang akan datang pertimbangan sewajarnya akan diambil kira.

Mengenai teguran ataupun saranan Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin, berkenaan dengan cara pendekatan elaun ini yang perlu diperbaiki, ianya tidak semesti diberikan dengan sekali gus, tetapi adalah lebih baik kalau diberikan secara bulanan, walaupun kepada waris bagi penerima yang telah meninggal. Perkara ini akan diambil perhatian oleh pihak Kerajaan.

Berkenaan dengan pertanyaan mengenai apakah yang terjadi kepada mereka yang masih hidup bukan 20 orang, tetapi 24 orang mereka ada daripada anggota tentera adalah sebanyak 2 orang dan daripada anggota polis adalah sebanyak 7 orang, iaitu 9 orang yang masih hidup dan mereka ini ada sekarang dan sebab iculah Kerajaan memberi perhatian termasuk bagi raereka yang sudah tidak ada lagi. Maklumat secara menyeluruh berkenaan dengan latarbelakang bagi penerima-penerima ini adalah seperti berikut kalau mengikut keturunan Daripada keturunan rakyat bumiputera (Melayu) adalah sebanyak 10 orang dari rakyat bangsa China sebanyak 5 orang dari keturunan

bangsa India sebanyak 2 orang dan lain-lain sebanyak 7 orang. Bagi penerima yang berkeluarga ialah sebanyak 19 orang, manakala yang bujang serasa menerima kurniaan itu ialah 5 orang.

Berkenaan dengan cadangan atau saranan daripada Yang Berhormat mengenai pertimbangan ataupun kelebihan yang lain-lain yang harus diberi untuk membolehkan penerima anugerah ini mendapat kemewahan selain dari elaun ini, Kerajaan menyambut baik dan akan meraberi perhatian selanjutnya, termasuk berkenaan dengan perhatian yang sama kepada anugerah pingat P.G.B. seperti yang dimaklumkan.

Begitu juga tentang perkara-perkara seperti untuk meningkatkan rasa kesyukuran dan rasa penting dan meningkatkan lagi pengiktirafan masyarakat dan Kerajaan, perkara-perkara seperti jemputan dan sebagainya, insya Allah, akan diambil perhatian oleh pihak Kerajaan. Saya sekali lagi ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana sekianlah sahaja penjelasan yang dapat saya sampaikan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan. Mana-mana perkara yang mungkin tidak saya bangkitkan akan diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuaa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN BEKALAN (PINDAAN)

Bacaan Rali Yang Kedua dan Ketiga

4.37 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato' Kok Wee Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang untuk meninda Akta Kawalan Bekalan 1961 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kawalan Bekalan 1961 telah digubal dengan tujuan untuk mengadakan peruntukan-peruntukan yang membolehkan Kerajaan mengawal dan menentukan bekalan barang-barang sentiasa mencukupi dan mudah diperolehi dengan harga yang berpatutan pada setiap masa, khususnya semasa negara mengalami bencana alam atau darurat.

Pencapaian dan keberkesanan pelaksanaan Akta ini dapat dilihat daripada kejayaan Kerajaan membetidung inflasi dan menentukan kestabilan barang-barang yang perlu di pasaran serta mengatasi masalah-masalah bekalan barang-barang perlu yang berbangkit dari masa kesemasa. Kejayaan ini adalah kerana wujudnya sokongan dan kerjasama daripada semua pihak dan penerimaan, baik orang ramai terhadap usaha Kerajaan. Walau bagaimanapun, wujud beberapa

kelemahan yang dikenalpasti dan yang perlu diatasi melalui pindaan kepada Akta Kawalan Bekalan (Pindaan) 1961. Dengan demikian, Rang Undang-undang Akta Kawalan Bekalan (Pindaan) 1990 dicadangkan untuk meminda Akta Kawalan Bekalan 1961.

Tuan Yang di-Pertua, objektif Rang Undang-undang Akta Kawalan Bekalan (Pindaan) 1990 ialah untuk meminda Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi meluas serta meraperkemaskan beberapa peruntukan yang sedia ada supaya sesuai dengan keadaan semasa dan pelaksanaannya dapat dibuat dengan lebih efektif dan sempurna. Perwujudan beberapa peruntukan baru adalah bertujuan supaya Akta ini akan menjadi lebih lengkap bagi memudahkan pihak-pihak yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Akta Kawalan Bekalan 1961 ini berkesan dari segi mengawal barang-barang perlu tetapi Kementerian setelah menjalankan kajian mendalam mendapatinya wajar dikaji semula dan dipinda supaya selaras dengan keperluan semasa dan peruntukan-peruntukan tidak menimbulkan kesulitan mana-mana pihak.

Pindaan kepada Seksyen 5 dan perwujudan satu peruntukan baru Seksyen 5A adalah bagi memberi kuasa kepada Menteri membuat pengisytiharan apa-apa barangan sebagai barang kawalan atau catuan dan seterusnya mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang jika didapati perlu daripada keseluruhan atau mana-mana daripada peruntukan Akta atau apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya. Pada masa ini kuasa mengisytiharkan apa-apa barangan atau makanan sebagai barang kawalan atau catuan adalah mengikut perkenan Dnli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan tidak wujud kuasa pengecualian. Kuasa-kuasa pengecualian pula adalah diperlukan supaya undang-undang ini dilaksanakan dengan berkesan tanpa menimbulkan apa-apa bebanan kepada mana-mana pihak. Dengan perwujudan kuasa ini antara lain pengecualian dapat diberi kepada mana-mana peniaga yang difikirkan tidak wajar dikenakan lesen.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini semua kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dibawa ke mahkamah untuk dibicarakan tanpa mengambil kira sama ada kesalahan tersebut adalah kesalahan

kecil atau yang merupakan kesalahan teknikal sahaja.

Pengwujudan peruntukan baru Seksyen 22A adalah untuk memberi kuasa kepada Pengawal Bekalan atau semasa ketiadaan Timbalan Pengawal Bekalan bagi mengkompaun kesalahan-kesalahan yang telah ditetapkan sebagai boleh dikompaun di bawah Akta ini.

Berikutan dengan perwujudan peruntukan baru ini, pindaan kepada Seksyen 6(2) adalah diperlukan bagi mengadakan peruntukan yang manberi kuasa kepada Menteri membuat peraturan-peraturan bagi menetapkan jenis-jenis kesalahan yang boleh dikompaun. Amaun kompaun dan prosedur yang perlu diikuti dalam mengkompaun. Dengan adanya kuasa mengkompaun ini banyak masa, tenaga dan perbelanjaan dapat dijimatkan dan akan memudahkan semua pihak yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Seksyen 27 adalah untuk membolehkan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dibicarakan di mahkamah Majistret. Buat masa ini semua kes di bawah Akta ini hanya boleh dibicarakan di Mahkamah Resyen sahaja. Memandangkan bahawa bilangan kes-kes di Mahkamah Sesyen adalah banyak dan bilangan Mahkamah Sesyen pula adalah terhad maka adalah wajar supaya kuasa untuk membicarakan dan menjatuhkan hukuman bagi kes-kes di bawah Akta ini dipindahkan kepada Mahkamah Majistret. Dengan demikian, ianya dapat memudahkan semua pihak yang terlibat dan kes-kes ini dapat diselesaikan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, huraian ringkas Rang Undang-undang untuk meininda Akta Kawalan Bekalan 1961 ini adalah sepertimana di Rang Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato'Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kawalan Bekalan 1961 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankaasa]

Fasal 1 hingga 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEVI KENDERAAN BARANG-BARANG (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.48 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato'Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama

suatu Akta untuk meminda Akta Levi Kenderaan Barang-barang 1983 dibacakan buat kali yang kedua sekarang.

Pindaan ini, adalah untuk mengatasi beberapa kelemahan yang terdapat dalam Akta ini. Di sini saya memohon memberikan penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

- (1) Mengikut Akta Levi Kenderaan Barang-barang 1983, pada masa sekarang pegawai-pegawai kastam yang boleh bertindak di bawah Akta ini hendaklah diwartakan. Sebenarnya, pegawai-pegawai kastam yang bertindak di bawah Akta ini adalah sama dengan pegawai-pegawai kastam yang dilantik di bawah Akta Kastam. 1967. Oleh itu adalah didapati tidak praktikal pegawai-pegawai kastam yang dilantik di bawah Akta Kastam dilantik semula di bawah Akta ini.
- (2) Memandangkan kepada apa yang disebutkan di atas maka Fasal 2 Rang Undang-undang ini adalah untuk memasukkan tarif "pegawai kastam yang hak" ke dalam Akta ini, bertujuan memberi erti yang sama seperti terdapat dalam Akta Kastam 1967. Manakala Fasal 6 pula adalah untuk menggantikan subseksyen (2) seksyen 7 yang menghendaki pegawai-pegawai yang dilantik di bawah Akta Levi diwartakan digantikan dengan subseksyen (2) yang baru yang membolehkan pegawai kastam yang hak yang dilantik di bawah Akta Kastam 1967 juga menjadi pegawai-pegawai secara automatik di bawah Akta ini.
- (3) Untuk makluman Dewan yang mulia ini, takrif "pegawai yang hak" di bawah Akta Kastam 1967 ialah mana-mana pegawai kastam yang bertindak bagi melaksanakan kewajipan-kewajipannya di bawah Akta ini sama ada kewajipan-kewajipan itu diuntukkan kepadanya secara khas, atau secara am, atau secara nyata, atau secara termaklum.

Tuan. Yang di-Pertua, mengikut Akta Levi Kenderaan Barang-barang 1983, amaun levi yang dikenakan bukan sahaja perlu diwartakan, akan tetapi hendaklah juga dibentangkan dalam mesyuarat Dewan Rakyat. Pasal 3 adalah bertujuan untuk mengesahkan pungutan levi menurut undang-undang kerana walaupun perintah mengenai amaun levi \$100 ini telah diwartakan, akan tetapi disebabkan oleh sesuatu kesilapan telah tidak dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini sebagaimana yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang Menteri Kewangan dan Ketua Pengarah Kastam tidak mempunyai kuasa untuk memulangkan levi yang terlebih atau tersalah dibayar.

Fasal 4 dan Fasal 5 adalah bertujuan untuk mengadakan subseksyen/seksyen baru untuk memberi kuasa kepada Menteri Kewangan dan KeCua Pengarah Kastam untuk memulangkan levi yang terlebih atau tersalah dibayar. Walau bagaimanapun, kuasa Ketua Pengarah Kastam untuk memulangkan levi tersebut adalah dihadkan kepada tuntutan-tuntutan yang dibuat dalam masa satu tahun sahaja, selepas sesuatu pembayaran levi itu dibuat.

Pindaan-pindaan lain merupakan pindaan-pindaan kecil yang dibuat untuk melengkapkan undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Levi Kenderaan Barang-barang 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka lagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ZON BEBAS

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.55 ptg.

Dato'Loke Yuen. Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk membuat peruntukan untuk penubuhan zon-zon bebas dalam Malaysia untuk menggalakkan kehidupan ekonomi negara dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya, dibacakan buat kali kedua sekarang,

Zon bebas ialah sesebuah kawasan di mana barang-barang tertentu tidak tertakluk kepada pengelesen cukai kastam, cukai eksais, cukai jualan dan cukai perkhidmatan, sama ada daripada keseluruhan cukai-cukai tersebut ataupun daripada sebahagiannya. Jenis zon bebas yang ada pada masa ini ialah:

- (i) zon perdagangan bebas - iaitu zon bebas untuk pelaksanaan aktiviti-aktiviti pembuatan atau pengeksporan sahaja;
- (ii) pelabuhan bebas Langkawi dan Labuan kedua-dua buali pulau

ini telah dibebaskan daripada cukai-cukai atas kebanyakan jenis barang-barang dan juga tidak ada sekatan terhadap aktiviti-aktiviti yang dibenarkan di situ. Tujuan pembertan taraf zon bebas ini ialah untuk menggalakkan perabangunan tempat-tempat itu secara keseluruhan, terutamanya daripada segi pelancongan;

- (iii) zon bebas bagi maksud pentadbiran pelabuhan-pelabuhan, iaitu Pelabubaa Pasir Gudang di Johor. Tujuan zon bebas ini ialah untuk memudahkan pelaksanaan urusan import atau eksport dan lain-lain pengendalian barang-barang seperti pecah pukal dan pembungkusan semula; dan
- (iv) kawasan bebas cukai di mana perniagaan secara bebas cukai dibenarkan. Tujuan zon bebas ini ialah untuk mengawal aktiviti penyeludupan yang berleluasa di situ, dan juga untuk menggalak aktiviti perdagangan di situ sebagai satu cara untuk memesatkan pembangunan tempat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pentadbiran, zon perdagangan bebas bagi maksud pembuatan dan eksport dan zon bebas bagi maksud pentadbiran pelabuhan adalah ditadbir di bawah Akta Zon Perdagangan Bebas 1971. Pelabuhan bebas dan kawasaa bebas cukai pula ditadbir di bawah Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 di mana yang berkaitan.

Undang-undang yang ada sekarang kbusus untuk mengendalikan pentadbiran zon bebas ialah Akta Zon Perdagangan Bebas 1971. Walau bagaimanapun, skopnya hanyalali terhad untuk zon bebas bagi maksud pembuatan dan pengeksportan sahaja. Akta ini tidak membenarkan pelaksanaan aktiviti perdagangan dalam sesuatu zon bebas yang diwujudkan di bawahnya, yang mana membuatkan Akta ini tidak boleh

dipakai bagi mewujudkan dan mentadbir jenis zon-zon bebas yang lain itu.

Berkaitan Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1967, Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975, skop dan peruntukan-peruntukan Akta ini hanyalah untuk mengendali pentadbiran cukai-cukai itu daripada segi pengenaan dan pungutannya sahaja. Akta-akta ini tidak mengandungi peruntukan-peruntukan yang boleh digunakan untuk mewujudkan zon bebas tersebut dan untuk mengawalinya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu pada masa ini tidak ada perundangan yang boleh digunakan untuk menubuh zon bebas mengikut konsep di mana kedua-dua aktiviti perdagangan dan pembuatan dibenarkan. Untuk membolehkan pelaksanaan konsep kawasan bebas cukai di mana aktiviti perdagangan atau aktiviti perdagangan dan pengilangan dibenarkan, suatu Akta baru perlulah diwujudkan.

Setelah Akta ini berkuatkuasa kelak, semua zon bebas akan diselaraskan dan disatukan di bawah Akta ini. Secara ringkasnya perundangan yang dipanggil Akta Zon Bebas 1990 ini bertujuan untuk memperkenalkan suatu undang-undang baru bagi:-

- (i) penubuhan zon-zon bebas di Malaysia bagi maksud industri-industri perdagangan dan pengilangan;
- (ii) mengadakan peruntukan-peruntukan undang-undang yang sesuai bagi Malaysia menggunakan sebaik-baik kemampuannya daripada potensi-potensi ekonomi zon-zon bebas cukai bagi tujuan pembanguaan perdagangan dan perindustrian termasuk pelancongan; dan
- (iii) menggantikan Akta Zon Perdagangan Bebas 1971 yang ada sekarang yang didapati tidak memadai dan tidak berupaya menampung keperluan-keperluan pembanguan ekonomi sentiasa yang lebih luas .

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rarig Undang-undang ini.

Bahagian I bertujuan membuat peruntukan bagi perkara-perkara permulaan. Bahagian ini memberi kuasa kepada Menteri menetapkan tarikh mula berkuatkuasa Akta ini melalui Warta.

Di bawah Fasal 3, Menteri juga diberi kuasa untuk mengisytiharkan melalui Warta mana-mana kawasan sebagai auatu zon perdagangan bebas atau zon perindustrian bebas. Fasal ini juga memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik mana-mana Jabataa Persekutuan atau Negeri, pihak berkuasa berkanun atau syarikat sebagai Pihak Berkuasa untuk mentadbir, menyenggara dan mengendalikan sesuatu zon bebas.

Bahagian II bertujuan untuk memperuntukkan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan untuk menjalankan dalani suatu zon bebas.

Fasal 4 bertujuan membenarkan apa-apa jenis barang dan perkhidmatan dibaraag ke dalam, dihasilkan, dikilang atau dibekalkan dalam sesuatu zon bebas tanpa bayaran apa-apa duti kastam, duti eksais, cukai jualan dan duti perkhidmatan kecuali barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang dilarang secara tertentu dan mutlak oleh undang-undang.

Fasal 6 memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecuali apa-apa barang dan perkhidmatan daripada peruntukan-peruntukan Fasal 4 Rang Undang-undang ini. Dengan pengecualian ini, barang-barang dan perkhidmatan berkenaan akan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah Akt a-akta yang berkuatkuasa di kawasan utama Kastam.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 7 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa barang-barang yang diambil dari suatu zon bebas dan dibawa ke dalam mana-mana bahagian kawasan utama kastam atau sebaliknya, masing-masing hendaklah disifatkan sebagai diimport ke dalam dan dieksport dari Malaysia.

Fasal 8 memperuntukkan bahawa barang-barang yang dikilangkan di zon perindustrian bebas hanya boleh dikeluarkan dari zon bagi tujuan eksport. Pemindahan ke suatu zon perdagangan bebas dengan lain dan pemakaian barang perkilangan berkenaan boleh dibuat dengan kelulusan tertentu.

Fasal 9 bertujuan untuk memperuntukkan penalti bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan terhadap Rang Undang-undang ini.

Fasal 10 bertujuan untuk memperuntukkan jenis-jenis aktiviti dan pengendalian yang boleh dibenarkan oleh Menteri untuk dijalankan dalam mana-mana zon bebas.

Fasal 11 dan 12 masing-masing bertujuan untuk memperuntukkan barang-barang yang dibenarkan ke dalara satu zon perindustrian bebas dan zon perdagangan bebas.

Bahagian III bertajuan untuk memperuntukkan fungsi-fungsi tertentu bagi Pihak Berkuasa yang mengurus dan mengendalikan suatu zon bebas.

Fasal 13 memberi Menteri kuasa untuk menghendaki pihak berkuasa mengadakan dan menyenggarakan kemudahan-kemudahan yang perlu bagi membolehkan suatu zon bebas berfungsi dengan sepatutnya dan cekap. Fasal ini juga memberi kepada Menteri kuasa untuk mengeluarkan arahan-arahan kepada Pihak Berkuasa yang difikirkan perlu bagi membolehkan suatu zon bebas berfungsi dengan sepatutnya dan bagi maksud melindungi hasil. Fasal ini juga mengenakan satu kewajipan ke atas Pihak Berkuasa untuk mengadakan kemudahan-kemudahan kepada

pegawai-pegawai kastam bagi pengawasan yang sepatutnya ke atas barang-barang yang dibawa ke dalam atau keluar dari suatu zon bebas dan untuk menyediakan kepungan-kepungan yang mencukupi bagi mengasingkan suatu zon bebas dari kawasan utama kastam bagi perlindungan hasil dan juga mengawal pergerakan orang-orang, kenderaan-kenderaan, vesel dan barang-barang yang masuk dan keluar dari suatu zon bebas.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 16 memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa mengikut badibicaranya memerintah pengecualian atau pemindahan apa-apa barang ataupun pemberbentian apa-apa aktiviti atau pengendalian yang merbahaya atau madarat kepada kepentingan, kesihatan atau keselamatan awam dari satu zon bebas. Fasal ini bertujuan untuk memperuntukkan bahawa perintah yang dibuat oleh Pihak Berkuasa hendaklah berkuatkuasa dengan serta-merta kecuali satu perintah untuk memberhentikan apa-apa pengendalian yang hendak berkuatkuasa hanya selepas Menteri memutuskan rayuan ini, jika ada, memihak kepada Pihak Berkuasa. Fasal ini selanjutnya manperuntukkan bahawa keputusan Menteri adalah muktamad dan tidak tertakluk kepada kajian semula oleh mana-mana mahkamah .

Bahagian IV meliputi Fasal 18 hingga 41 yang bertujuan memberi peruntukan bagi kesalahan-kesalahan dan penalti-penalti, memberi kuasa kepada mana-mana pegawai kastara berhubung dengan penggelidahan, penyitaan, penangkapan dan peruntukan-peruntukan mengenai perbicaraan dan prosiding di bawah Rang undang-undang ini.

Bahagian V yang meliputi Fasal 42.hingga 48 memperuntukkan bagi peruntukan-peruntukan pelbagai. Di antatranya ialah Fasal 46 memperuntukkan bahawa sesuatu rayuan hendaklah ditujukan kepada Menteri oleh mana-mana orang yang terkilan oleh keputusan Ketua Pengarah Kastam atau Pihak berkuasa kecuali dalam hal-hal jika keputusan yang dirayu itu adalah keputusan-keputusan mengikut budibicara mutlak Pihak Berkuasa ataupun Ketua Pengarah.

Fasal 47 memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan di bawah Rang Undang-undang ini.

Fasal 48 meroberi kuasa kepada Menteri untuk mewakili kuasa-kuasanya di bawah Rang Undang-undang ini kecuali kuasa-kuasanya di bawah Fasal 10(2) dan kuasa-kuasanya untuk membuat peraturan-peraturan di bawah Pasal 47.

Bahagian VI membuat peruntukan-peruntukan bagi pindaan-pindaan dan pemansuhan.

Fasal 49 memperuntukkan bagi pemansuhan Akta Zon Perdagangan Bebas 1971 dan pindaan-pindaan yang berbangkit kepada undang-undang bertulis yang disebut dalam Jadual Ketiga.

Fasal 50 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa zon-zon perdagangan bebas yang sedia ada yang diisytiharkan di bawah Akta Zon Perdagangan Bebas 1971 yang dimansuhkan hendaklah disifatkan sebagai zon perindustrian bebas di bawah Rang Undang-undang ini.

Fasal 51 memperuntukkan bahawa Menteri boleh membatalkan mana-mana perintah atau pengisytiharan yang dibuat di bawah undang-undang bertulis yang terdahulu berkaitan dengan zon-zon perdagangan bebas dan di bawah Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meliputi tiga Jadual iaitu:

- (a) Jadual Pertanian, menyenaraikan aktiviti-aktiviti pengilangan yang diluluskan oleh Menteri untuk dijalankan dalam satu zon perdagangan bebas .

- (b) Jadual Kedua menyenaraikan aktiviti-aktiviti yang diluluskan oleh Menteri untuk dijalankan dalam satu zon perindustrian bebas.
- (c) Jadual Ketiga menerangkan pindaan-pindaan yang berbangkit dan pemansuhan yang disebut di bawah Fasal 49 Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji

Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk membuat peruntukan mengenai penubuhan zon-zon bebas dalam Malaysia untuk menggalakkan kehidupan ekonomi negara dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ada di antara Ahli-ahli yang hendak berucap?

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama, Jadual Kedua dan Jadual Ketiga diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya mengisytiharkan penangguhan Dewan yang mulia ini pada petang ini, terlebih dahulu saya ingin menyatakan di sini iaitu pada hari ini Dewan telah mencatae suatu sejarah baru, kerana apa yang saya ketahui ini adalah ulung kalinya Dewan bersidang semasa kita umat Islam sedang menunaikan fardhu puasa bulan Ramadhan.

Oleh hal yang deraikian, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin yang beragama Islam, "Selamat Berpuasa" dan mudah-mudahan dengan berkat rahmat bulan yang raulia ini, Allab Subhanahu wa-Ta'ala akan tunjukkan kita taufiq dan hidayah dapat berkhidmat dengan lebih gigih lagi serta dibindari kita daripada sebarang rintangan dan bahaya demi mencapai cita-cita kita semua agar kita rakyat Malaysia akan hidup di dalam keadaan yang aman dan makmur buat selama-lamanya, insya Allah.

Akhir kata, saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan kerjasama dalam mengendalikan Urusan Mesyuarat dengan sempurna hingga dapat kita menyempurnakan tugas kita meluluskan Rang Undang-undang dan Urusan-urusan yang lain mengikut tempoh yang dijadualkan.

Buat penutup, saya berbarap dan berdoa mudah-mudahan kita dapat merayakan Hari Raya Aidilfitri selepas menunaikan fardhu puasa selama satu bulan.

Sekarang dengan iiorntatnya, saya tempohkan mesyuarat Dewan yang mulia ini sehingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan. Assalamualaikum waralimatullahitaala wabarakatub.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.15 petang.